


Jilid III
Bil. 28



MALAYSIA

Hari Rabu
28hb November, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3285]

USUL:

Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua
[Ruangan 3314]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Rabu, 28hb November, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.
(Tanah Merah).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat)
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik.)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI PEPERANGAN DI ASIA BARAT

1. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sikap Malaysia mengenai pencerobohan Israel yang telah membawa kepada meletusnya peperangan di antara Mesir/Syria dengan Israel yang sedang bergolak sekarang ini; dan
- (b) apakah bentuk simpati yang diberikan kepada Mesir dan Syria dan adakah Kerajaan turut serta menyumbangkan kepada tabung bantuan mangsa-mangsa perang Timur Tengah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun menyatakan pendirian Malaysia mengenai peperangan yang berlaku di Asia Barat dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas sahaja meletus peperangan itu. Dalam kenyataan itu, saya telah menegaskan, antara lain, bahawa sebab-sebab utama peperangan itu ialah penaklukan secara haram yang berterusan oleh Israel terhadap wilayah-wilayah Arab dan sikap angkuh Israel yang menghalang semua usaha damai untuk mencari penyelesaian sejajar dengan ketetapan-ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya juga mengulangi sokongan dan simpati kita terhadap perjuangan Arab dan menyeru negara-negara di dunia supaya mendesak Israel mematuhi ketetapan-ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya telah juga menegaskan bahawa hanya melalui penyelesaian berdasarkan prinsip-prinsip tidak menakluk wilayah sesebuah negara secara paksa, menghormati kedaulatan dan keutuhan negara-negara dan hak sesuatu bangsa menentukan nasibnya sendiri, dapat menjamin perdamaian yang berkekalan di Asia Barat. Saya suka mengambil peluang dalam Dewan ini mengulangi sokongan penuh serta simpati kita

terhadap perjuangan Arab untuk membebaskan wilayah-wilayah mereka yang diduduki oleh Israel secara haram itu.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Bangsa-bangsa Bersatu telah campur tangan dalam pertikaian ini dan telah menghasilkan gencatan senjata. Kita bergembira dengan semangat keberanian dan kejayaan yang diperolehi oleh pejuang-pejuang Arab. Dalam pada itu, kita juga dukacita oleh kerana peperangan terpaksa berlaku sekali lagi sebelum negara-negara di dunia ini mengubah sikap tidak peduli mereka itu terhadap kezaliman yang dialami oleh orang-orang Arab selama ini. Malangnya, sehingga masa ini satu penyelesaian yang adil dan kekal belum lagi dapat dicapai kerana Israel masih berdegil dan enggan mematuhi ketetapan-ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu dan berundur dari wilayah yang diduduki secara haram itu. Ketetapan yang akhir sekali ialah pada 22hb Oktober yang telah dicabul oleh Israel dengan tujuan merampas lebih luas lagi kawasan tanah Arab. Kita mengecam dengan sekuat-kuatnya sikap Israel yang mesti bertanggungjawab terhadap keadaan yang terdapat sekarang ini di Asia Barat. Kita menyokong langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara Arab termasuk penggunaan minyak dalam usaha mereka untuk merebut kembali wilayah-wilayah mereka yang diduduki secara haram oleh Israel.

Negara-negara Arab memahami serta menghargai dasar kita. Sebagai sebuah negara kecil, kita tidak dapat membuat lebih dari menyatakan sokongan dan persaudaraan kita sebagaimana yang telah kita buktikan selama ini serta memberi apa jua bantuan yang perlu. Pada peringkat diplomasi, kita telah mendesak semua negara-negara khasnya negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel supaya menggunakan segala pengaruh yang ada pada mereka itu untuk memaksanya menerima penyelesaian yang adil dan kekal terhadap masalah itu sejajar dengan ketetapan-ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah diterima sepenuhnya oleh angguta-angguta Badan Dunia itu termasuklah juga Malaysia. Saya telah menakan perkara ini terutama sekali kepada Kerajaan Amerika Syarikat melalui Duta Besarnya di sini, oleh kerana Amerika Syarikat mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Israel.

Akhirnya, saya suka menegaskan sekali lagi iaitu kita menyokong negara-negara Arab kerana perjuangan mereka adalah benar dan adil dan kita akan memberi segala bantuan kepada mereka dalam perjuangan mereka yang suci itu.

(b) Selain daripada sokongan dan simpati kita, kita telah menghantar bekalan ubat yang berharga \$50,000 kepada Mesir dan Syria yang kita tahu mereka itu berkehendakan bantuan ini. Kita belumlah menghantar sumbangan wang kerana kita fikir negara-negara Arab tidaklah kekurangan wang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang begitu tepat dan tegas. Dalam bentuk simpati, adakah Kerajaan sedia memberikan kebenaran kepada pasukan sukarelawan rakyat Malaysia bagi membantu peperangan Arab dengan Israel?

Perdana Menteri: Kita sedia menerima, terutama sekali orang-orang Malaysia yang berketurunan Arab (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kebetulan-nya, sukarelawan ini dipelupuri oleh rakyat Malaysia yang berketurunan Arab. Saya hendak buat satu soalan tambahan, sehingga setakat ini adakah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meminta Malaysia supaya menyertai pasukan keamanan dunia untuk menyelesaikan genjatan senjata di Asia Barat antara Israel dengan Arab dan adakah keupayaan bagi askar-askar kita bagi menyempurnakan kehendak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mendapat tawaran memberi apa-apa bantuan. Kalau ada tawaran, kita akan timbangkan, bergantunglah kepada apa bantuan yang dikehendaki.

Tuan Ng Hoe Hun: Raja Saudi Arabia ada berkata baru-baru ini negeri Saudi Arabia akan melanjutkan embargo minyak hingga Israel mengundurkan diri dari tanah Arab. Berikutan dengan itu apakah sebabnya Kerajaan Malaysia tidak ambil langkah mengadakan embargo tin dan getah memaksa negeri Israel mengundurkan diri dari tanah Arab?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi kita sedia hendak ambil apa-apa langkah juga yang difikirkan perlu dan menasabah, dan kita fikirkan bagi mengadakan embargo atas bijih dan juga getah itu tidak akan memberi kesan dan ini akan tidak merugikan negara kita. Kalau difikirkan boleh memberi faedah, kita boleh timbangkan, tetapi difikirkan tidak akan memberi apa-apa kesan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah menyatakan sifat angkuh Israel. Adakah sifat angkuh Israel itu atas pertolongan atau kawan baiknya Amerika, maka dia bersifat angkuh ataupun bagaimana?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak faham. Barangkali dia sengaja berfikir yang dia itu kuat, tetapi nampaknya kekuatan dia itu tidaklah begitu besar sangat. Dia fikir barangkali dia boleh mempertahankan mereka itu dengan sokongan sahabat-sahabatnya, dengan sebab itulah dia bersifat angkuh.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika sekiranya negara kita akan mengambil tindakan membuat embargo tin dan sebagainya kepada negara lain terhadap hal keadaan peperangan di Timur Tengah, bukankah ini jadi satu perkara yang conflict dengan keadaan berkecuali Malaysia terhadap foreign affairs?

Perdana Menteri: Saya telah terangkan kita tidaklah bercadang hendak berbuat begini.

SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP NEGARA-NEGARA ARAB

2. **Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengkaji semula dasarnya mengenai sokongannya terhadap Negara-negara Arab dalam pertikaianya dengan Israel, khasnya akhir-akhir ini, dan apakah dasarnya terhadap Amerika Syarikat yang menyokong Israel, dan mengapa Kerajaan tidak membuat sebarang bantahan terhadap sikap Amerika itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini seperti yang saya telah terangkan pada masa menjawab soalan yang pertama tadi dengan panjang lebar.

PERUBAHAN KERAJAAN DI THAILAND

3. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan perubahan yang berlaku kepada keadaan politik di Thailand dan samada ia memberi kesan kepada kerjasama sempadan di antara Malaysia dan Negeri Thai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perubahan Kerajaan di Thailand baru-baru ini adalah perkara dalam negeri Thailand sendiri. Saya percaya Ahli Yang Berhormat mengetahui akan perubahan-perubahan yang telah berlaku di sana, yang telah dilaporkan dengan sepenuhnya dalam akhbar-akhbar.

Kerjasama sempadan di antara Malaysia dan Thailand, sepertimana juga kerjasama dalam bidang-bidang yang lain masih berjalan dengan baik dan tidak ada apa-apa perubahan. Ahli Yang Berhormat mungkin ketahui baru-baru ini Mesyuarat Jawatan-kuasa Sempadan di antara Malaysia dan Thailand telah berlangsung dengan hasil yang sangat memuaskan. Kerajaan Thailand telah pun memberi akuan akan meneruskan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua negara.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kerjasama antara Malaysia dengan negeri Siam, adakah Kerajaan Malaysia memaklumkan Kerajaan negeri Siam, Setiausaha Malayan Communist Party sekarang bukan Chin Peng, tetapi seorang Melayu. Masalah ini mesti ada ditimbulkan dalam mesyuarat di Bangkok.

Perdana Menteri: Saya tidak tahu di mana Ahli Yang Berhormat mendapat keterangan mengatakan Setiausaha Parti Kominis itu terdiri dari orang Melayu, bukan Chin Peng; harus juga dia ada perhubungan dengan pihak Kominis. *(Ketawa)*.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada hubungan.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

4. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan kemajuan yang telah dicapai terhadap penubuhan perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Cina.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya pada 26hb November, 1973, perundingan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Rakyat Cina masih dijalankan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat termaklum, butir-butir rundingan ini adalah sulit dan saya tidak dapat mengemukakannya. Apa yang saya dapat menyatakan ialah bahawa kemajuan setakat ini adalah memuaskan dan adalah menjadi harapan saya yang kita akan dapat mencapai persetujuan dalam soal penubuhan perhubungan diplomatik ini tidak berapa lama lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dengar masalah Malaysia dan negeri Cina tidak berkawan lagi, sebab di Malaysia sekarang ada lebih kurang suku melion orang Cina yang tidak ada kewarganegaraan. Ini masalah, ada atau tidak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi perkara-perkara butir-butir perundingan ini adalah perkara yang sulit dan tidak boleh diistiharkan.

PENCEN KEPADA PERSARA-PERSARA

5. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-tengah kakitangan awam golongan rendah yang telah bersara selama hampir setahun masih belum mendapat pencen mereka dan jika sedar, samada Jabatan tuan akan mempercepatkan pembayaran pencen mereka dan melicinkan pentadbiran untuk mengelakkan kesulitan yang tidak semestinya kepada mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kelewatan masih terdapat dalam pembayaran pencen terutama kepada pesara-pesara dalam golongan rendah.

Mengikut lapuran penyiasatan yang telah dibuat, di antara sebab-sebab kelewatan ialah masa yang diambil untuk menempatkan kakitangan golongan rendah, yang ramai bilangannya, ke dalam sekim berpencen akibat daripada peruntukan di bawah Sekim Gaji Suffian, dan juga kelewatan Ketua-ketua Jabatan di peringkat tempatan mengemukakan kertas-kertas pencen kakitangan-kakitangan mereka yang telah bersara.

Langkah-langkah untuk membaiki perkara ini telah diambil termasuk usaha-usaha memusatkan pentadbiran pencen di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, di mana penyediaan dan penyelenggaraan kertas-kertas bagi kakitangan Persekutuan dilakukan di bawah satu pengawasan. Sebuah cawangan penyegera telah juga diadakan untuk menyiasat punca-punca dan sebab-sebab kelewatan serta mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasinya. Di samping itu arahan-arahan telah juga dikeluarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menyejajarkan penyediaan kertas-kertas persaraan bagi kakitangan-kakitangan dalam Perkhidmatan Negeri masing-masing.

Saya telah juga memberi arahan supaya bayaran-bayaran pencen ini di masa hadapan dibuat tidak lewat dari dua bulan selepas seseorang kakitangan Kerajaan telah bersara.

HAK MENGUNDI— SALAH EJAAN NAMA

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa seseorang itu tidak berhak mengundi jika sekiranya didapati ejaan namanya dalam daftar pemilih tidak sama dengan ejaan dalam kad pengenalannya meskipun nombor kad pengenalannya itu sama.

Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa seseorang itu tidak berhak mengundi jika sekiranya didapati ejaan namanya dalam daftar pemilih tidak sama dengan ejaan dalam kad pengenalannya meskipun nombor kad pengenalannya itu sama.

Biasanya tiap-tiap Ketua Tempat Mengundi adalah diberi tugas supaya ia memuaskan hatinya tentang pengenalan

seseorang pengundi dan ia boleh meminta apa-apa bukti pengenalan yang difikirkan mustahak. Ini termasuklah menuntut seseorang itu menunjukkan kad pengenalannya dan sekiranya ia enggan, Ketua Tempat Mengundi berhak tidak memberi kertas undi kepada orang itu. Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna bahawa seseorang yang tidak dapat menunjukkan kad pengenalannya itu atau yang nama atau nombor kad pengenalannya tidak benar-benar selaras dengan butir-butir dalam daftar pemilih, tidak boleh dibenarkan mengundi. Bukti selain daripada kad pengenalan bolehlah diterima dan jika seseorang Kerani di tempat mengundi atau lain-lain orang yang boleh dipercayai dapat mengaku mengenal pengundi itu, maka Ketua Tempat Mengundi biasanya telah diarahkan membenarkan orang itu mengundi walaupun ia tidak dapat menunjukkan kad pengenalannya.

Sekiranya ada sebarang keraguan, Ketua Tempat Mengundi boleh meminta pengundi membuat pengakuan dalam Borang 8 (lapan) sebelum kertas undi itu dibahagikan dan setelah membuat pengakuan dalam Borang 8, maka pengundi itu akan diberikan kertas undi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kerajaan memberi suatu arahan ataupun pembetulan kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Kelantan yang mengatakan jika sekiranya ejaan nama di dalam kad pengenalan seseorang pengundi itu tidak bersamaan dengan ejaan nama yang terdapat di dalam Buku Daftar Mengundi, maka seseorang pengundi itu tidak boleh mengundi.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa kedudukan sebenarnya bagi seseorang pengundi yang tidak sama namanya dalam Daftar Pemilih dengan namanya dalam kad pengenalan, boleh diterima mengundi jika ada bukti-bukti yang lain. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

PERSIDANGAN BELANJAWAN— PINDAAN TARIKH

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan samada tarikh Persidangan Belanjawan ini boleh diubah kepada tempoh yang biasanya

tidak berlaku banjir supaya wakil-wakil rakyat yang kawasannya terlibat dalam banjir itu dapat bersama-sama dengan rakyat yang menghadapi kecemasan itu.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menimbangkan perkara menukarkan tarikh Persidangan Belanjawan beberapa tahun yang dahulu tetapi cadangan ini telah ditawakkufkan (shelved) oleh kerana kerumitan-kerumitan dan implikasi-implikasi yang mungkin timbul.

Sebahagian daripada implikasi-implikasi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Parlimen akan dikehendaki meluluskan perbelanjaan yang dianggarkan atas asas "Vote on Account" bagi separuh tahun dan seterusnya menyesuaikan (regularised) apabila anggaran belanjawan bagi tahun itu diluluskan. Ini akan memakan belanja dan melibatkan kerja duakali (duplication of work);
- (ii) apa-apa pertukaran kepada Tahun Kewangan akan juga melibatkan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang membuat apa-apa pertukaran kepada tarikh-tarikh mesyuarat Belanjawan buat masa ini.

LESEN BERAS

8. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan lesen-lesen beras yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dalam tahun 1972 dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi setiap jenis lesen;
- (b) sebab-sebab kelambatan di pihak Lembaga Padi dan Beras Negara membaharui lesen-lesen ini pada tahun ini;
- (c) bilangan lesen-lesen yang telah dibatalkan dengan memberikan sebab-sebabnya;
- (d) bilangan lesen-lesen baru yang dikeluarkan; dan
- (e) samada Kerajaan atau Lembaga Padi dan Beras Negara telah pernah menimbangkan tentang Kerajaan mengambil alih perdagangan beras dan nyatakan dasar Kerajaan dalam perkara ini.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semenjak L.P.N. mengambil alih pengeluaran Lesen Beras dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam bulan Januari 1972, L.P.N. dalam tahun itu telah mengeluarkan 193 lesen beras borong dan 213 lesen beras runcit di Semenanjung Malaysia.
- (b) Tidak ada kelambatan bagi L.P.N. membaharui lesen-lesen yang dikeluarkan dalam tahun 1972 itu terhadap permohonan yang dibuat. Dari jumlah 193 lesen borong yang dikeluarkan, hanya 150 sahaja yang meminta pembaharuan. Bakinya sebanyak 43 tidak memohon untuk pembaharuan.

Sebelum bulan Julai 1973, lesen-lesen runcit, samada yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebelum tertubuhnya L.P.N., atau dikeluarkan oleh L.P.N. dalam tahun 1972, tidak dikehendaki diperbaharui tiap-tiap tahun. Akan tetapi, mulai bulan Julai 1973, Peraturan telah dibuat menghendaki semua lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diganti dengan lesen yang dikeluarkan oleh L.P.N. Peraturan itu juga menghendaki pelesen-pelesen dikenakan bayaran sebanyak \$100 setahun, bagi lesen borong, dan \$10 setahun bagi lesen runcit dan dikehendaki diperbaharui pada awal tahun.

Oleh kerana proses menukar lesen melibatkan banyak kerja-kerja, dan untuk memberi peluang kepada pelesen menghantar lesen untuk ditukar, satu tempoh selama 5 bulan dari 1hb Julai hingga 30hb bulan November, 1973, telah diberikan bagi pelesen-pelesen menukarkan lesen lama mereka kepada lesen L.P.N. Kerja-kerja menukarkan lesen tersebut telah selesai pada akhir bulan Oktober iaitu sebulan sebelum akhir tempoh. Sebanyak 8,184 lesen-lesen lama, telah ditukarkan kepada lesen L.P.N.

- (c) Satu lesen pemborong sahaja *dibatalkan* oleh kerana melanggar peraturan-peraturan pelesenan.

(d) Di antara Januari 1973 hingga 15hb November, 1973, L.P.N. telah mengeluarkan lesen-lesen baharu sebanyak:

(i) 177 lesen beras borong;

(ii) 5,961 lesen beras runcit.

(e) Kerajaan tidak menimbangkan soal mengambil alih perdagangan beras seluruhnya.

Dasar perdagangan beras ialah untuk memberikan peluang kepada sektor awam dan juga sektor swasta bersama-sama menjalankan peranan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar mengenai kedudukan harga beras sekarang melambung naik di Alor Star, Kedah dan Telok Ansoni, Perak. Oleh kerana harga beras sangat tinggi dan lagi melambung naik, adakah ini menunjukkan bahawa dalam masa tak lama lagi kita akan menghadapi satu krisis kenaikan harga beras, krisis ketiga?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Soalan itu berlainan daripada harga beras.

Tuan Lim Kit Siang: Bahagian (e) rice trade, mengenai harga dan bekalan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya menerangkan bagi jawapan berkenaan dengan (e) iaitu dasar perdagangan beras ialah untuk memberi peluang kepada kedua-dua public sector dan juga private sector bersama-sama menjalankan peranannya itu.

Tuan V. Veerappen: Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi menyatakan tidak ada kelewatan pengeluaran lesen-lesen itu, adakah Menteri itu sedar iaitu permohonan lesen dari bulan Januari tidak didapati ataupun jawapan sampai sekarang dan diapun ada menghantar reminder, tetapi tidak dapat jawapan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya telah menerangkan tadi kerja-kerja menukar lesen tersebut telah selesai pada akhir bulan Oktober. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada sesuatu permohonan lesen yang lambat, saya mintalah dia berhubung dengan saya.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka bertanya apakah kelayakan atau qualification yang dikehendaki oleh Kerajaan sebelum seseorang peniaga beras boleh dapat lesen berniaga beras?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Syarat memohon lesen yang pertama ialah permintaan hendaklah dibuat dalam borang permintaan L.P.N. yang tertentu.

Syarat yang kedua, rakyat Malaysia.

Yang ketiga, mempunyai perniagaan yang berdaftar iaitu Registered Business.

Yang keempat, berusia lebih daripada 21 tahun dan yang kelima, mempunyai setor menyimpan beras. Ini syarat-syaratnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Jikalau seseorang itu tidak ada mempunyai kewarganegaraan, tetapi ada sebuah kedai, dia minta lesen jual beras, bolehkah dia dapat lesen?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada syarat yang dikenakan ialah dia mestilah rakyat Malaysia.

Tuan V. Veerappen: Bolehkah Kerajaan memberitahu saya di manakah tempat untuk minta lesen; di Pejabat L.P.N. kah dan adakah Pejabat L.P.N. ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Daerah?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Buat masa ini supaya dapat dikumpulkan dan menyenangkannya kerja, permohonan itu hendaklah dihantar di Pejabat L.P.N. di Kuala Lumpur.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau sekiranya semua permohonan-permohonan lesen dikehendaki permohonan daripada L.P.N. di Kuala Lumpur, bukankah itu menyusahkan kepada peniaga kecil. Oleh sebab itu, bolehkah permohonan ini dihantar di ibu kota negeri masing-masing atau lebih baik di ibu kota daerah masing-masing di seluruh Malaysia supaya menyenangkan permohonan-permohonan peniaga kecil.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Pada masa yang akan datang harus permohonan-permohonan ini boleh disampaikan di Pejabat L.P.N. di negeri-negeri. Pada masa

ini oleh kerana kekurangan kakitangan itulah sebab dikehendakkan permohonan-permohonan lesen ini disampaikan di Kuala Lumpur. Dan saya telah juga diberitahu iaitu permohonan-permohonan lesen ini tidak mengambil masa yang lambat bagi diproses. Sebagaimana yang saya terangkan tadi syarat-syarat ini menunjukkan pertama sekali bila ada permohonan yang baharu, dia hendaklah mengadakan setor, ini berkehendakkan pegawai L.P.N. pergi ke tempat itu menengok dan menentukan cukup-tidaknya syarat-syarat yang dikenakan. Walau bagaimanapun, saya suka katakan pada masa yang akan datang bila kakitangan L.P.N. dapat ditambah, kemudahan akan diberi dan permohonan harus boleh disampaikan ke cawangan-cawangan L.P.N. di negeri-negeri.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan permohonan-permohonan untuk mengimpot beras ke negeri ini tidak terhad?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan yang ditetapkan berkenaan dengan mengimpot beras daripada luar negeri ialah iaitu mengimpot beras dari luar hendaklah dikendalikan atau dijalankan oleh L.P.N. sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar ada beberapa orang Wakil Parlimen telah diberi lesen untuk mengimpot beras ke negara kita?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ada, Tuan Yang di-Pertua, itu ialah lesen-lesen yang dikeluarkan sebelum dasar ini ditetapkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Dalam perkara (e) adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa oleh kerana dasar Kerajaan dalam pengedaran beras ialah perimbangan antara pihak Kerajaan dan kalangan swasta, cara yang demikian berlaku perbezaan harga beras dan kekurangan beras di kampung-kampung. Saya sebutkan beras yang dikendalikan oleh Kerajaan samada melalui L.P.N. ataupun melalui S.E.D.C. atau Perbadanan Kemajuan Negeri adalah lebih murah harganya berbanding dengan yang dikendalikan oleh swasta, dan di tempat yang jauh sedikit daripada bandar beras itu payah didapati. Apakah penyelarasan yang dibuat bagi menghilangkan kejadian seperti yang telah berlaku pada masa ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar perbezaan harga beras yang dijual melalui L.P.N., S.E.D.C., PERNAS dan harga beras yang dijual oleh pihak swasta. Saya akan menjawab soalan ini sebab-sebabnya bila masa saya menjawab. Soal selepas ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan jikalau seorang itu hendak mendapat lesen jual beras mereka mestilah ada sebuah setor. Kalau seorang pekedai runcit di kampung tidak ada setor bolehkah mereka dapat lesen. Dia tidak ada setor, dia jual beras satu guni, habis satu guni dia beli beras lagi, bagaimana kedudukan mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usahlah jual. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan ada beberapa Ahli-ahli Parlimen telah diberi lesen untuk mengimpot beras sebelum L.P.N. mengambil keputusan untuk mengimpot beras sendiri. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah beliau sedar Ahli-ahli Parlimen yang telah diberi lesen untuk mengimpot beras itu tidak berjaya, maknanya mereka tidak boleh dapat beras daripada luar negeri. Oleh sebab itu, bolehkah L.P.N. siasat perkara ini dan jika perkara yang disebutkan oleh saya ini benar menarik balik lesen itu.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, lesen yang diberikan kerana impot beras dari luar adalah terhad masanya dan jika seseorang itu—ini saya mengatakan lesen-lesen yang telah dikeluarkan sebelum Kerajaan menetapkan dasar baharu iaitu pengimpot beras akan dijalankan oleh L.P.N. sahaja—kalau mereka itu gagal tarikh masa impot itu akan habis. Di sini macam mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat itu payah bagi pihak swasta hendak mendapat lesen, saya tahu memang payah pada masa ini pihak-pihak swasta hendak mengimpot beras dari luar negeri tempoh lesen ini akan habis, kita beri lesen ada had masanya.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Adakah benar bahawa hanya peniaga-peniaga beras borong sahaja dikehendaki ada setor, tetapi

peniaga-peniaga beras runcit tidak dikehendaki mempunyai setor yang selain daripada tempat atau alamat kedai yang didaftarkan dan sebagai tempat berniaga itu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat yang bercakap itu. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak payah bertanya soalan tambahan lagi, kerana Ahli Parlimen dari Muar Dalam sudah terangkan, terima kasihlah (*Ketawa*). Lebih baik jangan jual beras.

BERAS—KESUKARAN MENDAPATKAN

9. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa rakyat tidak dapat membeli beras dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menghapuskan perbuatan-perbuatan jahat oleh peniaga-peniaga yang mencari keuntungan yang berlebihan, supaya rakyat dapat membeli makanan utama itu dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang kesukaran mendapatkan beras dari pihak swasta dengan harga yang disyurkan sebagai berpatutan oleh Kerajaan.

Untuk menghapuskan perbuatan-perbuatan jahat oleh peniaga-peniaga yang mencari keuntungan yang berlebihan, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan dengan membuat pemeriksaan di kilang-kilang, kedai-kedai borong dan runcit. Kerajaan juga telah mengawal pemindahan beras antara negeri-negeri untuk mengatasi penyeludupan beras keluar dan simpanan beku (*hoarding*). Juga melalui L.P.N., Kerajaan telah menjual beras kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, PERNAS, Syarikat-syarikat Kerjasama dan pemborong-pemborong swasta dengan harga yang berpatutan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengulangi soalan saya tadi oleh kerana soalan ini adalah tepat. Adakah Yang Amat Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Soalan mana yang berulang? Ini soalan No. 9.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan di dalam soalan kelapan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara sudah berlalu.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi perkara itu ada berkaitan dengan soalan ini. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sekarang di tempat-tempat seperti di Alor Star dan Telok Anson dan lain-lain daerah harga beras sangat tinggi daripada apa yang ditetapkan dan adakah itu bererti bahawa kita dalam masa tidak lama lagi akan menghadapi krisis beras ketiga, di mana harga beras akan melambung naik sangat tinggi?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perbezaan harga-harga beras yang dikeluarkan melalui L.P.N. dengan harga beras yang dijual atau dikeluarkan oleh swasta. Langkah-langkah yang diambil telah saya terangkan. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka boleh jadi dia terigau-igau, kerap kali mengatakan krisis beras dan kita sudah terangkan bahawa krisis beras itu tidak ada. Kekurangan beras itu ada dan Kerajaan telah menerangkan sebab-sebabnya dan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri krisis tiada, tetapi kepada rakyat jelata krisis ada. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beri satu jaminan bahawa beliau akan mengarahkan satu siasatan serta-merta untuk kawasan-kawasan Telok Anson dan Alor Star untuk mengawal atau menurunkan harga beras di tempat-tempat itu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Masalah menurunkan harga beras bukanlah dihadkan di kawasan Telok Anson sahaja. Kerajaan berikhtiar dan mengambil tindakan supaya harga yang berpatutan dapat diadakan di negara kita ini. Saya telah menerangkan tindakan-tindakan yang Kerajaan telah dan sedang diambil dan kita berharap dengan tindakan-tindakan ini terutama sekali mengeluarkan lebih banyak beras, masalah harga beras ini dapat dikurangkan daripada yang ada sekarang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa memang sebenarnya tidak kedatangan kekurangan beras. Tetapi apa yang telah saya katakan tadi ialah perbezaan harga dan penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat ialah langkah-langkah yang akan dijalankan. Tidakkah Kerajaan sedar bahawa cara pemeriksaan itu kurang mendatangkan kesan dengan sebab pertama kita kekurangan pegawai

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan ataupun keterangan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau soalan, boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kekurangan pegawai. Adakah Kerajaan bercadang, buat sementara ini bukan menjadi dasar tetap Kerajaan, pengedaran beras daripada L.P.N. hanya diberi kepada Perbadanan Kemajuan Negeri (S.E.D.C.) yang menjalankan usaha penjualan secara borong bagi disalurkan supaya harganya sama dengan tidak menggunakan pegawai untuk check di kampung-kampung lagi.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, maksud soalan tambahan itu ialah supaya pembahagian beras ini diambil alih oleh Kerajaan. Masaalah mengambil alih pembahagian beras ini bukanlah satu masaalah yang ringan. Pembahagian beras akan membangkitkan bermacam-macam masaalah yang rasa saya belum dapat dan tidak boleh, pada waktu ini, dibekalkan oleh L.P.N. atau Kerajaan. Masaalah pengambilan alih pembahagian beras itu melibatkan soalan pengangkutan yang mesti cekap, soal kredit, soal perhubungan, waktu bekerja, kemahiran dan kecekapan pegawai-pegawai. Masaalah-masaalah ini didapati oleh Kerajaan dan itulah sebabnya Kerajaan tidak berniat dan hendak mengambil langkah supaya pembahagian beras dalam negara kita diambil alih. Masaalah-masaalah yang akan bangkit lebih lagi daripada faedah yang akan memberi kepada kita.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan saya berkenaan dengan masaalah tidak boleh dapat membeli beras dengan harga yang tetap. Rakyat-

rakyat yang duduk di sempadan Malaysia/Thailand selalu pergi ke pekan Thailand membeli beras dengan harga yang murah untuk makan sendiri. Apabila mereka balik ke Malaysia Pegawai-pegawai L.P.N. konfiskasi beras itu.

- (a) Dalam apa undang-undang yang pegawai L.P.N. boleh buat macam itu?
- (b) Beras yang dikonfiskasi siapa yang mendapat untung, Kerajaan Malaysia atau Pegawai-pegawai L.P.N.?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, kita ada peraturan iaitu beras-beras yang hendak dimasukkan daripada Thailand hendaklah ada dengan kebenaran. Kalau ada orang-orang kita dan orang-orang lain membawa beras dari negara yang lain dan tidak mempunyai permit, ini dijalankan peraturan kita. Confiscation itu mengikut undang-undang benda itu akan menjadi harta benda Kerajaan, tetapi kalau ada dengan sebab-sebab yang tertentu yang bilangannya barangkali tidak banyak dan oleh kerana keperluan mereka sendiri tentu diberi pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkuasa iaitu Kastam dan sebagainya.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Persatuan Pengguna-pengguna (Consumers Association) membeli beras terus dari Lembaga Padi dan Beras Negara dan jual kepada ahli-ahlinya dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Dimintalah semasa membuat permohonan, saya percaya Kerajaan akan memberi pertimbangan.

LESEN BERAS KEPADA PENIAGA-PENIAGA

10. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah lesen-lesen beras yang telah dikeluarkan kepada peniaga-peniaga beras dan penjual-penjual barang runcit oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) semenjak tertubuhnya Lembaga ini hingga sekarang dan sebab-sebab lambat dikeluarkan lesen-lesen kepada penjual-penjual beras yang pertamanya telah menyebabkan

mereka ini tidak dapat membeli ataupun menjual beras tanpa lesen yang sah kepada orang awam dan keduanya telah menyebabkan kekurangan palsu (artificial shortage) dan kenaikan harga beras serta-merta; dan

- (b) Samada beliau akan menimbang membubarkan Lembaga Padi dan Beras Negara dan menyerap Lembaga ini ke dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana ia telah keciwa menjaga bekalan dan harga beras secara stabil di negeri ini jika tidak, mengapa.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tertubuhnya L.P.N. pada 20hb September, 1971, Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengeluarkan lesen di Semenanjung Malaysia sehingga 15hb November, 1973 seperti berikut:

(i) *Lesen Borong*

- (1) 370 lesen baru
- (2) 855 lesen lama ditukar dan diperbaharui

(ii) *Lesen Runcit*

- (1) 6,174 lesen baru
- (2) 855 lesen lama ditukar dan diperbaharui ialah 8,184.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerima anggapan bahawa apa yang dikatakan kelambatan itu telah menimbulkan kesulitan kepada peniaga-peniaga beras. Sebab-sebab terjadinya kekurangan beras yang dibuat-buat ataupun "artificial shortage" itu telahpun saya jelaskan dalam Dewan ini. Kelambatan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu dalam soal mengeluarkan lesen baru oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, sedikit sebanyak, tidak dapat dielakkan oleh sebab permohonan mesti diproses seperti yang dikehendakki oleh peraturan pelesenan. Ini termasuklah pemeriksaan setor dan lain-lain di tempat perniagaan si pemohon itu. Tetapi, sebagaimana yang dinyatakan, dalam tempoh dua tahun, L.P.N. telah mengeluarkan 370 lesen borong dan 6,174 runcit yang baru. Ini satu bukti tentang kegiatan usaha L.P.N.

Jawapan kepada soalan:

(b) (i) Tidak.

- (ii) Soal samada L.P.N. telah gagal mengawal bekalan beras dan menstabilkan harga bergantunglah kepada pendapat masing-masing.

- (iii) L.P.N. sekarang merupakan sebuah Badan Berkanun yang diberi tugas-tugas tertentu sebagaimana yang terkandung dalam Aktanya.

Tuan Chan Yoon Onn: Bila lagi negeri China akan menghantar berasnya ke negeri kita?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

BERAS KEKURANGAN

11. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa banyak kawasan-kawasan di negeri ini yang masih kekurangan beras dan jika adapun harganya terlampau tinggi, lebih daripada apa yang dinyatakan oleh L.P.N. Jika benar, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk memudahkan rakyat membeli beras dengan harga yang berpatutan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kawasan di negara kita ini yang kekurangan beras, dalam arti ketiadaan bekalan beras. Tetapi, Kerajaan sedar tentang kesukaran mendapat beras tempatan jenis murah daripada pihak swasta dengan harga yang disyorkan oleh Kerajaan itu. Sekiranya ada kekurangan bekalan beras di mana-mana daerah sekalipun, Kerajaan segera menampungnya.

Untuk memudahkan rakyat membeli beras dengan harga yang berpatutan, Kerajaan sendiri, melalui L.P.N., menjual beras kepada pengguna-pengguna melalui perbadanan-perbadanan Kerajaan; MARA; PERNAS; Syarikat-syarikat Kerjasama dan pemborong-pemborong swasta. Di samping itu, Kerajaan menjalankan tindakan terhadap pihak pengilang-pengilang, pemborong dan peruncit yang mengambil keuntungan berlebihan. Kerajaan juga mengawal pemindahan beras antara negeri-negeri untuk mengatasi penyeludupan beras keluar dan simpanan beku (hoarding).

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar pihak Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) atau pegawai-pegawai L.P.N. ada beberapa kali menyatakan bahawa beras seperti ini boleh didapati antara \$2 atau \$2.60 segantang. Apabila pengguna-pengguna pergi ke tempat masing-masing, mereka tidak boleh beli beras itu dengan harga yang ditetapkan oleh L.P.N. Oleh sebab itu, orang miskin tidak dapat beli, kalau harga itu dinaikkan. Mereka tidak ada wang untuk membeli beras yang harganya ditetapkan oleh L.P.N. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil tindakan dengan segera supaya apabila L.P.N. atau sesiapa pun pihak Kerajaan mengatakan beras ini boleh didapati di tempat ini dengan harga ini, dan harga itu tidak boleh dinaikkan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan tindakan-tindakan dan kita berharap dengan tindakan-tindakan itu kita akan beransur-ansur mengatasi masalah ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan hendak bertanya atas soalan tambahan, tetapi saya bangun hendak memberi tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri. Rasa saya sangat susah

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bukan soalan tambahan, tak boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Baik.

KILANG TEPUNG GANDUM

12. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) bilangan kilang tepung gandum yang telah didirikan di negeri ini dan nama kilang-kilang ini;
- (ii) peluang-peluang yang diberi kepada Bumiputra untuk menjadi wakil-wakil penjual atau pembahagi-pembahagi bagi tiap-tiap kilang dan nama syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang telah dilantik sebagai wakil-wakil penjual; dan

- (iii) selain daripada mempunyai modal yang cukup, apakah syarat-syarat lain yang diperlukan oleh kilang-kilang ini untuk dilantik sebagai wakil-wakil penjual.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan

- (i) ada tiga kilang-kilang tepung gandum yang telah didirikan di negeri-negeri ini iaitu Federal Flour Mills Bhd., Malayan Flour Mills Bhd. dan United Malayan Flour Mills Berhad;
- (ii) pada masa sekarang, kilang-kilang tepung tempatan telah melantik beberapa ejensi-ejensi dan syarikat-syarikat Bumiputra yang mengendalikan kira-kira 10.4% daripada jumlah pembahagian tepung di negeri-negeri ini. Bilangan pembahagi-pembahagi Bumiputra yang telah dilantik oleh tiap-tiap syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Federal Flour Mills Bhd.	... 36
Malayan Flour Mills Bhd.	... 25
United Malayan Flour Mills Bhd.	11
- (iii) selain dari mempunyai modal yang cukup, lain-lain kemudahan seperti penyimpanan, pengangkutan dan mempunyai pelanggan-pelanggan yang tetap dan tempat perniagaan adalah dikehendaki oleh kilang-kilang ini untuk dilantik sebagai pembahagi-pembahagi.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak Kementerian sedar bahawa dengan syarat-syarat yang telah diberikan oleh kilang-kilang itu mungkin digunakan sebagai satu helah halus untuk tidak memberi kepada bumiputra menjadi pembahagi-pembahagi atau wakil-wakil pengeluaran mereka?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak berfikir begitu, oleh sebab kita telah menerima kenyataan bahawa kilang-kilang seperti yang sedang dibincangkan ini ialah mereka yang telah bersetuju pada dasarnya untuk memberi peluang kepada sakurang-kurangnya 30% daripada kaum bumiputra untuk menjadi pengedar-pengedar atau pembahagi-pembahagi. Soal yang kerap kali berbangkit ialah

soal tiap-tiap seorang yang membuat permohonan ini berpendapat apabila tidak mendapat ajensi ini bahawa sesuatu kilang itu menyatakan atau pun menjadikan ianya sebagai mangsa, tetapi samada seseorang itu sesuai atau tidak terpulanglah kepada pihak kilang itu sendiri menentukannya.

SPEKULASI TAPAK PERUMAHAN

13. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang-undang untuk mencegah spekulasi tapak-tapak perumahan oleh orang-orang asing dan orang-orang tempatan yang mendapat keuntungan yang berlebihan kerana kegiatan-kegiatan mereka itu menaikkan harga tapak-tapak itu menyebabkan rakyat biasa tiada mampu membeli.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Kerajaan sedar tentang pentingnya pengawalan terhadap harga bagi tanah tapak perumahan untuk menjamin supaya kenaikan harga yang terlalu tinggi tidak akan berlaku yang boleh menyusahkan golongan-golongan berpendapatan rendah dan golongan menengah memilikinya. Kenaikan harga tanah sekarang ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah:

- (i) Pembangunan yang pesat yang sedang berlaku di suatu kawasan itu;
- (ii) Perkembangan yang pesat yang dijangka akan berlaku di kawasan itu;
- (iii) Perlaksanaan dasar Kerajaan untuk mengadakan rancangan hakmilik rumah persendirian;
- (iv) Kekayaan yang timbul disebabkan oleh spekulasi saham dan dengan wang itu dijadikan penanaman modal untuk membeli tanah.
- (v) Penukaran mata wang kepada jenis penanaman modal dalam bentuk "real estate property" sebagai langkah untuk mengelakkan kerugian yang dijangka akan berlaku akibat jatuhnya nilai mata wang dunia.

Kerajaan menyedari akan perkara ini tetapi sebelum langkah-langkah sesuai diambil untuk menyekat spekulasi tanah, langkah-langkah itu hendaklah tidak menyekat penanaman modal dari luar dan

dalam negeri, oleh yang demikian Kerajaan sedang mengkaji masalah ini secara mendalam cara bagaimana langkah-langkah dapat dilakukan.

KENAIKAN HARGA BERAS

14. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan, oleh kerana kenaikan harga beras telah disebabkan terutamanya oleh kekurangan beras dalam pasaran, samada Kerajaan akan menimbang melaksanakan langkah-langkah berikut untuk menurunkan harga beras:

- (i) menguntukkan lebih banyak lagi tanah untuk penanaman padi;
- (ii) menggalakkan lagi pesawah-pesawah untuk menanam lebih banyak lagi padi; dan
- (iii) menambahkan lagi bilangan rengkiang dan menyimpan lebih banyak lagi beras untuk menjadi sebagai penampakan (buffer).

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga beras pada masa ini ialah disebabkan oleh kekurangan beras dalam dunia kerana keadaan cuaca yang tidak baik, kemarau dan banjir yang telah berlaku di beberapa negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Ini telah menyebabkan kekurangan bahan-bahan makanan, bukan sahaja beras tetapi juga gandum, bali, seko dan jagung.

Berikutan dengan kenaikan harga beras di pasaran dunia yang membawa kesan sedikit sebanyak kepada Malaysia Kerajaan telah mengkaji semula polisi tanaman padi dan pengeluaran beras. Kerajaan telah bersetuju dengan satu dasar baharu mencantumkan matlamat tanaman padi untuk pengeluaran beras bagi keperluan negara yang secukupnya dengan harga yang akan memberi pendapatan yang wajar kepada penanam-penanam padi yang dibandingkan dengan pendapatan oleh pekerja-pekerja lain. Langkah-langkah yang berikut adalah perlu dan akan membantu perlaksanaan dasar yang tersebut:

- (i) Kerajaan Negeri diminta menimbang-tambahan tanah-tanah yang sesuai dengan kemudahan perairan untuk tanaman padi; Jabatan Parit dan

Taliair dan Jabatan Pertanian diminta menyasat dan mengkaji pembukaan kawasan-kawasan baru di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah untuk tanaman padi.

- (ii) Tuan-tuan tanah sawah dan penanaman-penanam padi hendaklah mengusahakan sepenuhnya tanah padi mereka dengan tanaman padi dengan benih yang bermutu baik dengan pengeluaran yang tinggi dan untuk menanam dua kali setahun di mana kemudahan-kemudahan perairan telah disediakan;
- (iii) Dengan pengeluaran padi yang dijangka bertambah itu lebih banyak lagi tempat-tempat simpanan padi dan beras akan diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

MINYAK PETROL— KENAIKAN HARGA

15. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah rancangan beliau berhubung dengan kenaikan harga minyak petrol seperti yang telah dikenakan oleh negara-negara pengeluar minyak berikutan dengan krisis di Asia Barat sekarang ini;
- (b) adakah Kerajaan akan turut menaikkan harga minyak tersebut di negeri ini;
- (c) adakah Kerajaan akan memberi subsidi supaya pengguna-pengguna minyak petrol di negeri ini tidak payah membayar kenaikan harga minyak akibat kenaikan harga minyak di dunia; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang hendak merentikan eksept minyak petrol mentah dari Sarawak ke Amerika Syarikat.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a, b, c) Pada takad ini, Kerajaan sedang mengkaji tuntutan dari syarikat minyak untuk menaikkan harga

minyak, dan akibatnya tuntutan itu ke atas perusahaan-perusahaan kita. Suatu pengistiharan akan dibuat kalaulah ada pertukaran harga dikehendaki.

- (d) Kerajaan Malaysia tidak mengeksept sebarang minyak mentah kepada Amerika Syarikat.

MOTOKAR MALAYSIA MEMASUKI SINGAPURA—PERMIT

16. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandang bahawa Kerajaan Singapura baru-baru ini telah mengenakan syarat-syarat bahawa kenderaan-kenderaan atau motokar Malaysia yang memasuki Singapura dikehendaki mendapat permit dan membuat bayaran tertentu, samada Kerajaan kita akan mengambil tindakan yang sama untuk menambah hasil negara.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Perkara ini sedang dikaji dan keputusan yang sesuai akan diambil dan mungkin akan dikuatkuasakan pada ketika yang sesuai.

MINYAK PETROL

17. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah rancangan-rancangan yang sudah dibuat untuk menghadapi masalah yang akan timbul akibat sekatan minyak petrol yang sekarang dikuatkuasakan oleh Negara-negara pengeluar minyak di Asia Barat.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sekatan minyak tidak memberi kesan sangat kepada kita sebab Malaysia ialah salah sebuah negeri yang dikecualikan dari pulau Arab. Saya telah menerima kepastian dari Syarikat Minyak di sini yang mereka akan mencuba sedaya-upaya untuk menjaga bekalan minyak kita.

SIJIL KEWARGANEGARAAN

18. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan sijil-sijil kewarganegaraan yang diserahkan sejak Merdeka oleh rakyat-rakyat Malaysia berketurunan India yang telah pulang ke India.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bilangan warganegara Malaysia daripada keturunan India termasuk mereka berketurunan Ceylon, Pakistan dan Bangladesh yang telah menyerahkan balik taraf kewarganegaraan Malaysia mereka semenjak Hari Merdeka sehingga 31-10-73 ialah berjumlah 4,340 orang.

Saya tidak dapat memberitahu berapa di antara mereka ini telah balik ke negeri masing-masing akan tetapi adalah dipercayai bahawa sebilangan besar daripada mereka itu telah berbuat demikian.

JALANRAYA DI UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya-jalanraya di Utara Semenanjung Malaysia adalah sempit dan oleh itu merbahaya untuk kenderaan terutama sekali di Bukit Berapit, Perak dan jika sedar, samada Kementerian beliau bercadang meluaskan jalanraya-jalanraya di kawasan-kawasan itu.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Saya sedar bahawa setengah-setengah daripada jalanraya-jalanraya Persekutuan di Utara Semenanjung Malaysia adalah sempit. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk melebarkan jalanraya-jalanraya ini yang tidak mempunyai taraf yang sesuai sekurang-kurangnya sehingga ke 24 kaki lebar. Tawaran bagi pembinaan jalan-jalan yang disebutkan di bawah ini akan dipanggil tidak lama lagi:

- (i) Dari batu 5 hingga batu 30 jalan Kuala Lumpur/Rawang/Batang Kali.
- (ii) Dari batu 33½ hingga ke batu 47.0 Jalan Kuala Kangsar/Changkat Jering yang mana termasuk jalan di Bukit Berapit sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (iii) Dari batu 6.0 hingga ke batu 10 di Butterworth.

KERETAPI TERKELUAR DARI LANDASAN

20. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan memandangkan kepada banyaknya

masaalah-masaalah dan kerugian oleh kerana keretapi terkeluar dari landasan:

- (a) samada pihak Kerajaan telah mengambil langkah bagi menjamin keselamatan keretapi;
- (b) jumlah kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu disebabkan keretapi terkeluar dari landasan; dan
- (c) samada kejadian-kejadian itu perbuatan sengaja oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Pentadbiran keretapi telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian keretapi terkeluar dari landasan. Langkah-langkah tersebut termasuklah (1) Memesan 600 gerabak baru dari Korea Selatan, 150 daripadanya akan tiba pada bulan Disember ini, sementara bakinya akan tiba pada bulan Januari, Februari dan Mac. (2) Memesan 110 gerabak baru dari India. (3) Memesan 104 batu rel untuk menggantikan rel-rel yang lama dan kiriman yang pertama akan tiba pada bulan Disember ini. (4) Mendirikan sebuah Sekolah Latihan untuk memberi Latihan sewajarnya kepada pekerja-pekerja keretapi.
- (b) Taksiran anggaran kerugian disebabkan keretapi terkeluar dari landasan ialah lebih kurang sebanyak \$770,000 bagi tahun 1972 dan dari bulan Januari hingga bulan September, 1973 sebanyak \$680,000.
- (c) Kegelinciran tersebut bukan disengajakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. (Untuk makluman Yang Berhormat di antara sebab-sebab utama kegelinciran keretapi adalah gerabak-gerabak (wagon) yang sudah lama dan kekurangan kakitangan yang mahir. Langkah-langkah sedangpun diambil bagi mengatasi perkara ini sepertimana jawapan bagi soalan pertama tadi).

BELANJA SARA HIDUP

21. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan samada belanja sara hidup yang semakin naik ini dapat dihentikan, dan jika boleh, bila.

Perdana Menteri: Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa di Dewan ini pada 26hb November, 1973.

KAWALAN INFLASI

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menerangkan sejauh manakah Kerajaan dapat mengawal inflasi di negeri ini khasnya tentang harga barang-barang.

Perdana Menteri: Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa di Dewan ini pada 26hb November, 1973 yang lepas.

JUMAAT HARI KELEPASAN AM

23. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sesuai dengan semangat Islam yang kita agung-agungkan di Negara kita ini adakah beliau berfikir sudah sampai masanya Kerajaan menjadikan hari Jumaat hari kelepasan am di seluruh Negara menggantikan hari Ahad.

Perdana Menteri: Perkara menjadikan hari Jumaat hari kelepasan am di seluruh Negara untuk menggantikan hari Ahad telah pernah dibincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh kerana beberapa sebab yang ujud dari pertimbangan kemudahan umum (general convenience) dan perdagangan antarabangsa, maka amalan sekarang ini diteruskan, iaitu hari Ahad sebagai hari kelepasan Am.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DI PEJABAT-PEJABAT DAERAH

24. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai orang-orang bukan Melayu merasa bahawa komposisi pegawai-pegawai kanan di Pejabat-pejabat Daerah di Malaysia tidak membayangkan nisbah penduduk-penduduk di Malaysia, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan tidak seimbang ini supaya Pejabat-pejabat Daerah dapat memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan kepada orang-orang bukan Melayu.

Perdana Menteri: Pegawai-pegawai Kanan di Pejabat-pejabat Daerah di Malaysia, iaitu mereka yang dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas, khususnya di Negeri-negeri Perak, Selangor, Negri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang kebanyakannya terdiri daripada Pegawai-pegawai Bumiputra kerana jawatan-jawatan di Pejabat-pejabat Daerah itu dipenuhi oleh Pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Sekarang ini pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang tidak mempunyai ijazah didapati lebih sesuai ditempatkan di Pejabat-pejabat seperti itu dan kebetulan sebahagian daripada mereka adalah pegawai-pegawai Melayu. Sebaliknya kebanyakannya pegawai-pegawai bukan Melayu dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik adalah terdiri daripada pemegang-pemegang ijazah dan mereka lebih cenderung dan lebih sesuai ditempatkan di Ibu Pejabat dan di Kementerian.

Bagi Negeri-negeri lain, jawatan-jawatan kanan di Pejabat-pejabat Daerah dipenuhi oleh Pegawai-pegawai Tadbir Negeri masing-masing dan terserahlah kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri mengaturkan penempatan pegawai-pegawai di Negeri masing-masing.

Sungguhpun Pegawai-pegawai Kanan Melayu ramai di Pejabat Daerah, tetapi di Jabatan lain di dalam sesuatu daerah seperti di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Perubatan, Talikom, kebanyakan pegawai-pegawainya adalah bukan Melayu. Sungguhpun begitu tiap-tiap pegawai yang berkhidmat di Kementerian, Jabatan atau di Pejabat-pejabat di Daerah adalah pegawai-pegawai Kerajaan yang ditugaskan menjalankan kerja mereka untuk kepentingan rakyat dengan tidak mengira kaum atau keturunan.

USUL

KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Usul dikemukakan oleh Perdana Menteri dan Masaalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini, sambil menyedari kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua

matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperimbangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, sambil meluluskan Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (27hb Noverber, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.30 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah bercakap berkenaan dengan perkara Buku Merah iaitu Kajian semula Rancangan Malaysia Kedua.

Kerajaan Perikatan dengan adanya Buku Merah Rancangan-rancangan telah ditaruhkan dalam Buku Merah untuk Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini dengan terang-terang dan nyata dengan tidak disorokkan kepada rakyat di atas kemajuan-kemajuan yang telah dan akan dicapai dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Di dalam rancangan-rancangan ini nampaklah bukti-bukti apa yang telah Kerajaan buat dan apa yang akan dibuat dan juga terbukti dengan terang dan nyata sebab-sebabnya kemelesetan bumiputra, terutama sekali bumiputra yang duduk di luar bandar. Dengan sebab itu, Kerajaan bukan sahaja untuk menegakkan supaya bumiputra sahaja akan mencapai kesenangan di dalam negeri ini,

tetapi juga kepada orang lain iaitu non-bumiputra, orang yang bukan bumiputra juga diperjuangkan untuk membasmi kemiskinan. Di sini, pihak-pihak Pembangkang pada hari semalam telah menyuarakan kekhawatirannya iaitu bagaimana sekolah-sekolah bagi orang-orang yang bukan bumiputra pertama sekali kekhawatirannya itu mengatakan penuntut-penuntut yang bukan bumiputra tidak dapat masuk ke Universiti dan tidak dapat hendak belajar lagi. Tetapi di dalam Perlembagaan (Constitution) kita ada menyatakan sekolah-sekolah bangsa asing tidak ditutup; sekolah bangsa asing dibantu tiap-tiap tahun ada Budjetnya, baik Sekolah Inggeris, Sekolah Tamil, Sekolah Cina, ataupun Sekolah Melayu, tetapi pihak Pembangkang mesti ingat iaitu Bahasa Kebangsaan adalah bahasa Melayu; Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Malaysia, maka dengan bahasa ini mesti dipelajari betul-betul.

Bahasa Kebangsaan

Pada hari semalam, bukanlah saya hendak menegur, pihak Pembangkang terus-menerus menggunakan bahasa Inggeris, inilah bahasa yang molek sekali, bahasa yang boleh ditutur. Dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini juga, Wakil-wakil Rakyat, terutama sekali dari pihak Pembangkang mesti menunjukkan ketaatan mereka terhadap negeri ini iaitu menunjukkan keikhlasan mereka menerima Bahasa Malaysia ini menjadi Bahasa Kebangsaan. Kita nampak dengan terang dan nyata bahawa 16 tahun kita telah merdeka mereka tidak boleh juga bercakap Bahasa Malaysia, jadi bagaimana? Oleh kerana difikirkan Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan ini tidak ada harga kepada mereka—tidak ada harga langsungkah. Kalau tidak ada value, apa guna hendak dipelajari? Itulah sebabnya kita juga mesti semak sampai mana Bahasa Kebangsaan telah dipakai oleh keseluruhan rakyat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam pihak Pembangkang menyatakan dua buah sekolah menengah akan didirikan, dan mereka menunjukkan kekhawatiran untuk siapa bagi sekolah menengah yang akan didirikan di luar bandar itu. Kita tahu di luar bandar banyak bumiputra orang Melayu, tetapi ada juga orang Cina dan orang India. Sekolah ini untuk semua bangsa di luar bandar. Saya juga boleh bertanya untuk siapa dibuat

sekolah di dalam bandar? Tetapi tidak payah ditanya, kerana ini adalah untuk orang Malaysia. Soal ini timbul kerana mereka ini mempunyai semangat perkauman terlampau tebal. Ini mesti dikikis terus. Kalau tidak, perkara ini adalah satu jalan buntu untuk menjadi orang Malaysia pada masa yang akan datang.

Biasiswa

Biasiswa untuk anak-anak orang Melayu. Dikatakan orang-orang Melayu sahaja, bumiputra sahaja yang mendapat. Sebelum kita mencapai kemerdekaan boleh dikira berapa ramai bumiputra yang menerima, memperluaskan pelajarannya ke luar negeri; boleh dibilang. Sebabnya bumiputra miskin, bumiputra tidak mampu untuk belajar ke luar negeri. Itulah dasar penjajah untuk menekan bumiputra supaya bodoh, supaya bebal, supaya tidak boleh memerintah negeri. Selepas merdeka patutlah, patut sangat yang bukan bumiputra menyokong dasar Kerajaan untuk membekalkan kami sebagai bumiputra akal di dalam otaknya sedikit, baikpun hendak masuk dalam perniagaan perusahaan, hendak menjadi doktor, hendak menjadi engineer dan sebagainya. Kalau tidak bagaimana bumiputra hendak maju. Tentulah mendapat scholarship daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Federal, tetapi kalau disemak, yang bukan bumiputra yang mempunyai wang pergi ke luar negeri baikpun di England, di Australia, di New Zealand, di Kanada, di Jepun, di Taiwan dan sebagainya belajar, kalau disemak berapa ribu, berapa ramai, tak pernah kita sebutkan.

Saya mengatakan begini, iaitu ramai penuntut-penuntut Melayu, kalau ada Menteri Pelajaran di sini boleh ditanyakan dengan terang dan nyata, iaitu berapa ramai bumiputra, tahun yang lalu, beratus-ratus yang mempunyai kelulusan, yang mempunyai certificate yang juga telah mendapat scholarship daripada Kerajaan Negeri, beratus-ratus banyaknya yang mempunyai biasiswa daripada Kerajaan Negeri tak dapat masuk universiti, tak dapat masuk ke sekolah tinggi, bukan sahaja yang bukan bumiputra, bumiputra yang ada mempunyai kelayakan-kelayakan, yang telah diberi scholarship oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor terutama sekali; tidak dapat masuk. Tuduhan macam ini, macam terhisir hati, entah macam mana sakitlah hati betul.

Perniagaan dan Perusahaan

Dalam bidang perniagaan dan perusahaan, orang-orang Melayu juga baharu hendak masuk. Orang Melayu dahulu masa zaman penjajahan memang tidak digalakkan masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Biar orang Melayu ini miskin supaya dapat dijajah. Kalau sudah miskin, otaknya pun miskin dapatlah dijajah selama-lamanya. Sesudah merdeka orang Melayu, bumiputra hendak masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan, terutama sekali bagi pihak Jabatan Kerja Raya di masa dahulu, sekarang sudah ditukar dasarnya sedikit selalu bertanya berapa bulldozer yang orang Melayu ada, berapa tractor, ada berapa lori, apa experience. Dahulu berapa orang Melayu jadi kontrekter. Ditanya ada experience, berapa banyak lori, berapa banyak tractor-tractor dan berapa banyak modal. Kalau begini gaya dasar Kerajaan walaupun Buku Merah, Buku Putih, buku apa sekalipun tidak dapat dibuat apa-apa bagi menolong bumiputra. Beri peluang orang Melayu, bumiputra boleh tunjukkan kejayaan. Mereka tidak diberi peluang: Macam mana hendak pandai jikalau tidak diberi peluang? Sudah diberi peluang baharu tahu, tetapi kalau orang Melayu, membuat kontrek misalnya, kerana seorang orang Melayu membuat kontrek, jahanam kontreknya, dunia tahu, orang Melayu tidak boleh buat, sudah bangkrep dia. Sebab baharu seorang masuk, seorang bangkrep, sepuluh orang masuk, seorang bangkrep sudah diketahui oleh dunia, orang Melayu tidak bagus, tak boleh buat kerja dan tidak dapat layanan lain kali.

Fikiran yang berkarat semacam ini mesti dikikis. Kalau tidak dikikis, baikpun pegawai-pegawai Kerajaannya ataupun kita semua tidak dapat mengikis, orang Melayu tidak akan naik, tidak akan maju. Beri peluang kepada orang Melayu, orang Melayu boleh tunjukkan kejayaannya. Pada masa dahulu, orang Melayu pandai berperang, orang Melayu pandai berniaga, ke mana yang tidak dipergi oleh orang Melayu untuk berniaga, ke Madagascar, ke Ceylon, ke Negeri Cina, ke Negeri Arab, ke Parsi dan ke mana-mana pun mereka pergi—baca tawarikh, betul, tetapi apa boleh buat, sudah dijajah selama 400 tahun. Apa yang hendak dibuat, dengan seluar

sahaja yang ada pada kita waktu dijajah dahulu.

Ekspot/Impot

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh juga mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Impot/ekspot misalnya, sudah ada buat dahulu, ditanya bumiputra itu panjang-panjang. Manalah orang Melayu ini tahu, mereka tidak tahu impot/ekspot. Baharu hendak impot, entah apa yang hendak diimpotnya, entah apa makna impot/ekspot tak tahu, tidak didengar dahulu, sekarang baharu hendak cuba-cuba, hendak masuk, tak ada, tak akan dapat, payah hendak masuk. Longgarkan sedikit. Diberi mereka peluang, lama-lama mereka boleh, orang Melayu boleh buat. Orang Melayu pun berani mati juga. Dengan sebab itu, berilah peluang, insya Allah di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, tetapi betul-betul. Dalam tempoh 20 tahun memang 30% iktisad boleh diisi, bukan hendak 100%, macam mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyatakan kita tidak hendakkan 100%. Kita tidak hendak 40%, kita hendakkan cuma 30% sahaja di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang.

Berkenaan dengan tanam-tanaman orang-orang kampung. Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai Tanaman melaung-melaung mengatakan, Oh! Orang Melayu tanam, tanam jagung, tanam cili, tanam sayur, lintang-pukang, macam-macam ditanam oleh orang Melayu. Kalau ditanam cukup makan, untuk makan sahaja boleh, tetapi hendak mengeluarkan hasil untuk jadi pendapatan, tak dapat. Sebab dari dahulu sampai sekarang disuruh tanam sahaja, tetapi pemasarannya tak ada. Di mana hendak dijual? tanam pisang banyak yang busuk sahaja, tanam tomato banyak-banyak, tomatonya itu busuk begitu sahaja. Tanam cili, busuk sahaja cili itu kerana kita tidak siapkan pemasaran, disuruh tanam, tanam, tanam, tanam tanpa memikirkan pasarannya.

Farmers' Association

Inilah kesilapan-kesilapan kita, mesti kita tengokkan betul-betul. Farmers' Association ada, sudah berapa Farmers' Association. Apa yang dibuat oleh Farmers' Association? Lembaga Pertanian sekarang baharu ditubuh-

kan, hendak menengokkan macam mana. Pemasaran yang penting sekali. Dahulu dikatakan: Oh! Orang Melayu tanam oil palm, sebab getah sudah kurang sangat harganya. Sudah berbuah di mana hendak dijual? Pergi ke MARA, jumpa pegawai MARA, pergi siasat berapa ekar. Tengok dari tepi jalan ada 100 ekar. Kita kata ada 5,000 ekar iaitu di Sepang sana, dia kata 100 ekar. Lagi sekali tengok, ada 200 ekar, pergi disuruh siasat lagi ada 500 ekar, tak habis-habis, bukan cara yang betul hendak menolong. Orang-orang ini pergilah angkat kelapa sawit ini kepada faktori-faktori orang putih. Orang putih kata faktorinya tak boleh beli sudah cukup sebab capacitynya sudah cukup. Tidak diterima, kalau hendak 8 sen satu pikul boleh. Dijual juga dengan harga 8 sen.

Itulah kesusahan orang-orang kampung yang patut ditengok betul-betul. Kalau tidak namanya ada bermacam-macam: Lembaga Pertanian, FIMA dan entah apa lagi, tetapi "indah khabar dari rupa".

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Kalau boleh pendekkan sedikit ucapan itu, sebab ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya akan patuh dan ini sedikit sahaja lagi.

Pertumbuhan New Villages

Semalam pihak Pembangkang mengatakan dengan bertepuk dada dialah yang menyatakan menjadi champion new villages tetapi yang sebenarnya, mula-mula dahulu masa Dewan ini bersidang, mula-mula sekali saya bukan mengatakan saya berbangga—tidak, sayalah yang bercakap berkenaan dengan new villages. Ini bukan soal yang saya orang Melayu, new village itu orang Cina—tidak tetapi oleh kerana new villages ini rakyat Malaysia, duduk di new villages, maka Kerajaan mesti tengokkan dan new villages sudah dekat 25 tahun, orang-orang yang duduk di dalam new villages itu dahulunya misalnya 30 tahun umurnya sekarang sudah bercucu-bercicit dan beranak pula anaknya sudah berkahwin dan patut Kerajaan menengokkan iaitu tanah diperluaskan penduduk itu dibelikan dan dibuat flat dan sebagainya untuk kediaman mereka.

Ini saya suarakan mula-mula dahulu, oleh kerana saya bukannya hendakkan perkauman, warganegara negeri ini mesti dipelihara dan mesti ditengokkan, sebab saya orang Melayu, saya bercakap berkenaan dengan Melayu. Ini kerana ada hak keistimewaan orang Melayu, tetapi untuk orang asing yang menjadi warganegara mesti juga ditengokkan. Pembangkang membuat propaganda sahaja supaya rakyat berfikir bahawa pihak Pembangkang inilah yang menjadi champion new villages tetapi yang sebenarnya itu boleh disemak.

Kilang-kilang

Kilang yang dikatakan 30% ada hak-hak orang Melayu untuk membeli saham, tetapi yang sebenarnya tidak diberitahu. Ini tak sampai kepada orang kampung. Ini tak sampai ke mana-mana, barangkali sampai kepada beberapa orang sahaja, orang Melayu yang lain tak tahu di atas perkara ini. Cuba Kerajaan sebarkan luas-luas supaya orang Melayu tahu di atas perkara ini dan kalau mereka ada duit mereka ambil di atas perkara ini. Dan satu lagi kilang yang ada pioneer status yang mendapat 30% tetapi kilang-kilang banyak, kilang-kilang yang tidak mempunyai pioneer status pada masa yang akan datang saya minta, kilang-kilang yang bukan pioneer status juga mesti diuntukkan sekurang-kurangnya 30% untuk bumiputra masuk ke dalamnya, kalau tidak, tak payah tanya, buat sahajalah kilang-kilang oleh sebab kilang-kilang besi sudah banyak didirikan. Dahulu kilang besi hanya satu sahaja didirikan—lain tak boleh. Mereka tak hendak pioneer status maka dibuatnya kilang-kilang besi banyak-banyak—tak ada penyertaan bumiputra, sebab tak ada pioneer tak adalah apa-apa—ini telah wujud. Saya harap Kerajaan semak balik di atas perkara ini.

Pekerja-pekerja

Pekerja-pekerja ini dahulu kita hendak meningkatkan taraf hidup, maknanya termasuklah pekerja-pekerja buruh. Kebanyakan buruh-buruh di kilang-kilang mendapat gaji \$1.70. \$1.70 pada hari ini apa hendak makan? Sewa rumah sudah mahal, makanan sudah mahal, ini bukan kerana saya komplek fasal makanan mahal ini oleh kerana harga barang dunia sudah mahal. Dengan sebab itu, gaji pun mesti mahal juga—sama. \$1.70 ini adalah memerah darah rakyat yang bekerja di kilang-kilang. Kalau Kerajaan

telah menambahkan cost of living allowance \$30 tiap-tiap pekerja yang berapa gajinya Kerajaan juga mesti menjalankan kepada tiap-tiap kilang, tiap-tiap kedai, tiap-tiap lombong beritahu Kerajaan telah menjalankan—awak mendapat untung keluarkan juga \$30 tiap-tiap seorang pekerja beri \$30 dalam tempoh 6 bulan tengok balik. Kalau misalnya sudah kurang tak usahlah lagi tetapi Kerajaan beri pegawai-pegawai rendah Kerajaan sahaja tetapi orang-orang lain yang bekerja di kilang-kilang ini dia makin tak dibayar makin bagus. Dengan sebab itu, Kerajaan mengambil inisiatif, mengambil perkara yang penting di atas perkara ini untuk memelihara rakyat, sebab rakyat yang mengundi dahulu, dengan sebab itu Kerajaan terpaksa menengokkan supaya tiap-tiap pekerja di kilang-kilang ini yang mempunyai kilang mestilah membayar cost of living allowance ini.

Oleh kerana patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua, maka saya menyokong di atas usul Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

3.56 ptg.

Tuan V. David (Dato Kramat): Tuan Yang di-Pertua, kami daripada parti Pembangkang ada mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan ahli-ahli Perikatan macam mana Kerajaan sudah berjaya dalam Rancangan Lima Tahun Kedua tetapi apabila kita periksa Buku Merah ini ada juga mukanya yang cantik yang ada menceritakan macam mana Kerajaan sudah beri masyarakat adil kepada rakyat di tanahair kita. Kalau kita periksa adakah masyarakat adil sampai pintu rumah orang miskin, saya daripada parti Pembangkang di sini boleh memberi jaminan bahawa tidak ada sampai.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this House is debating a most vital document which has a direct effect on the lives of more than 10 million people. The Mid-Term Review has been made in haste. Some of the figures in the Review are either desperately miscalculated or systematically designed to mislead, misinterpret and hide certain true facts which this House is legitimately entitled to know.

Mr Speaker, Sir, when the Second Malaysia Plan was introduced in 1970, we heard the echo in this House that the objective of the New Economic Policy was to promote

national unity through a two-prong strategy and the most interesting aspect of this objective is, "Eradicating poverty by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysians, irrespective of race". The so-called national unity has remained an illusion. It is unfortunate that the Minister responsible for national unity is not here.

Sir, I regret to say that the Government has defeated this declaration in spirit and deed in the last three years. The Alliance Government has allowed its pledge to fly in the air and has acted contrary to this principle.

Sir, to substantiate my argument, I take the privilege to quote a Statement which appeared in the *Straits Times* of 11th September, 1972 by the Honourable Minister of Health:

"Health Minister, Tan Sri Lee Siok Yew, is unhappy over the present nurses' recruitment exercises because the recent intake does not reflect the racial composition of the country. More than 90% of the nurses recruited recently came from a particular race, he told newsmen today.

The explanation from the Public Services Commission was that there have been very few applications from the Chinese and the Indians, the Minister said. On the other hand, he added, he had received many complaints from unsuccessful Chinese and Indian applicants. He called on those unsuccessful Chinese and Indians in 1972 and this year to write to him".

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sir, this itself has clearly shown the conflict between the Ministry of Health and the Public Services Commission. Sir, though the Public Services Commission was bewildered by the statement since the cat was let out of the bag, it attempted to justify its action by explaining in the Press, but unfortunately the figures given by the Public Services Commission did not elaborate on the number of applications received for the post of nurses from the various races, except that it stated the number of persons interviewed. This shows that the majority of non-bumiputra applications received were either

ditched into the waste paper basket or were completely rejected.

The Government was placed in a dilemma and the statement of the Minister of Health was a clear admission of fact as the Government did not refute it. Sir, the situation does not confine to appointments in the Health Department alone, but dominates the entire public sector—the Civil Service. So while the Government continues to stress and reiterate the need for racial balance in the private sector, its own recruitment policy on employment in the public sector does not reflect a multi-racial composition of the Malaysian population.

Sir, may I, at this juncture, quote a statement from the Minister of Labour and Manpower which appeared in the Press on 30th October, 1972:

"The Government wishes to see a fairer racial composition at all levels. Under the Government policy the labour force should compose between 40-50% Bumiputras, 30-40% Chinese and 15-20% Indian."

Sir, it is sad to say that this has not been put into practice as far as the public sector is concerned.

Sir, there is an element of uncertainty and fear that has crept into the minds of the non-bumiputra citizens, the young especially, who have lived here, who were born and bred here and who have never seen any other country besides Malaysia. The question has been asked whether the employment in the Government Service has been completely closed for citizens who are non-bumiputras. Sir, this unpleasant and frustrating situation will not contribute towards national unity, which is the clear objective of the Second Malaysia Plan and also reiterated and emphasised clearly in the Mid-Term Review.

Sir, there has been a tendency among members of the Alliance to quote the Rukunegara in the event the citizens demand for their basic and fundamental rights. Sir, I would like to quote a section of the speech, in page 2, of the Prime Minister:

"The progress that we have made in the first 3 years of the Plan has exceeded our expectations. The foundations that we seek for a society based on the Rukunegara are today much more solid than they were in 1969 when racial conflict

threatened the very fabric of our multi-racial society."

Sir, the concept and the philosophy of the Rukunegara have been ignored and forgotten by the Alliance members. Sir, may I draw the attention of this House not to hide behind the principles of the Rukunegara. The principles enunciated in the Rukunegara do not deny the citizens of this country from standing up for their basic and fundamental rights. The principles of the Rukunegara especially on the rule of law states as follows: "Justice is founded upon the rule of law. Every citizen is equal before the law. Fundamental liberties are guaranteed to all citizens."

Sir, the Constitution is the bedrock on which the rule of law is based. The Constitution gives every citizen his rights which are not at the mercy of any one particular race. These fundamental rights are the basis of any democracy. It would be no exaggeration to say that unity and integrity of this democratic nation could only be built upon a basis of fundamental rights irrespective of race, religion, class or creed. Sir, the great ideals of freedom and equality found their way into the law books because they were implemented in the hearts and souls of men before written constitutions were thought "to put no bricks in the building but to be the bread of life of the constitution". Sir, the object of incorporating them into the constitution is to guarantee the effect of exercise and to ensure that they sink deep into the soul of a nation and become its immaculate axioms.

Sir, therefore, we call upon the Government to explain why it has failed to keep the promises and pledges for the creation of a multi-racial Malaysia. Sir, the Government must review the recruitment position in the Government services which has tarnished the image of a multi-racial Malaysia.

Sir, the Honourable Prime Minister stated on 1st February, 1971, at the official opening ceremony of the National Productivity Centre:

"Objectives of the New Economic Policy, first of which is the eradication of poverty among our people irrespective of their racial origin. The present policy strongly underlines our belief that a programme to conquer poverty must transcend racial lines and it must benefit

all our people irrespective of race and irrespective of whether they are in towns or in the rural areas."

Sir, the Malaysian Chinese Association and the Malaysian Indian Congress which have maintained absolute silence in this racial imbalance in the public sector do not reflect the views and the aspirations of the communities they are supposed to represent. Sir, the M.C.A. and the M.I.C. lack the moral courage and guts to stand for justice. This action is a betrayal of the communities they claim to represent. I must say it is a shame on the part of the M.C.A. and the M.I.C. to maintain tight lips to social injustice. Are the leaders of the M.C.A. and the M.I.C. hiding behind the Prime Minister? Sir, the action of the Government drives the people to despair and against the wall. Sir, the Government is leading the people towards chaos and national disunity.

Sir, the Mid-Term Review states:

"The overall structure of employment reflects fairly well the racial composition of the country's population. However, severe imbalances exist in the employment in the various sectors of the economy as well as between particular industries."

Sir, this statement is most untrue because recruitments to the public services do not at all reflect the racial composition. The Review further states:

"The second prong of the New Economic Policy is designed for the creation of a society in which all Malaysians participate and share equitably in economic and social development."

Sir, the present state of affairs in the public service does not allow all races to share in the social and economic development as envisaged in this Review. This position not only exists in respect of recruitment but also in promotion. There are a number of officers in the Malayan Railways who are placed in acting appointments for several years. They are not confirmed in their jobs, but, at the same time, junior officers are promoted to the jobs above the seniors. The Suffian Commission Report has made it clear that no officer shall serve in an acting appointment for more than six months, but unfortunately this is completely ignored in

the case of the Malayan Railways. Considerable frustration and humiliation prevail among the staff of the Malayan Railways.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister on 31st August, 1973, on the day of Hari Kebangsaan made a statement in respect to the national culture:

“Particularly, the restructuring of society is still far from satisfactory as it takes time to change people’s attitude and traditions. The nation has reached a crucial period when it has to determine the kind and the form of Malaysian culture to be handed down to posterity. In this matter we already have obvious guidelines and that is the Malaysian culture must be based on the culture of the indigenous people of this country.”

Sir, from what the Honourable Prime Minister has raised, I presume that Malaysian culture should be based on the culture of the indigenous people of the Asian region. To my mind, the people of Malaysia—the Malays, the Chinese and the Indians should feel free to practise, promote, foster and develop their own cultures by respecting each other’s traditional values and beliefs. Sir, Malaysian culture will have to be an integration of the cultures of the Malays, the Chinese and the Indians who have practised their long-preserved cultures for more than a century in this country.

Sir, it is alarming to observe the sudden changes that have been made in Television and Radio Malaysia. These changes give an indication that the Government is not keeping to the promises which it has made so often. There is absolute denial of cultural programmes in certain languages in Television and Radio Malaysia. This has prevented the developing of local talents in the field of Art and Culture. Local dramas and plays should be introduced in Malay, Chinese and Tamil in Television and Radio Malaysia to reflect the multi-racial composition of our society. Many people have been dismayed and shocked in recent months over the manner in which the programmes have been introduced in Television and Radio Malaysia. Let me now make it clear that no one will tolerate any move to deny the people of this country, either the Malays, Chinese or Indians, to practise their respective traditions and beliefs. Sir, the denial of programmes in Television and Radio in Chinese and Tamil

is against the spirit of national unity and do not contribute towards the restructuring of our multi-racial society.

Sir, further, it gives the impression that the Government is intolerable to the multi-racial concept in the programme. Mr Speaker, Sir, I hope those responsible will rectify the methods which are now in operation in the radio and television.

Sir, let me now quote from the speech of the late Tun Dr Ismail when he addressed the United Nations Correspondents on 28th October, 1970:

“We are fully determined to build a united Malaysian nation out of the present multi-racial base. United in diversity remains our guideline. We are also convinced that there could not be an absolute Government by one race. The present Government, as a result of the last election, is mainly dominated by UMNO because it won the majority of seats. It must also be emphasised that although the M.I.C. won only 2 seats in Parliament, both are represented in the Cabinet.”

It is, of course, a disgrace for the M.I.C. because it never represented the Indians in the past and it will never do so.

Sir, the Mid-Term Review states in a paragraph:

“The employment objectives of the Plan was to create some 596,000 new jobs so as to absorb the greater part of the 645,000 new entrants into the labour force during the period.”

The Review further adds that the unemployment position in 1970 was about 7.5% and, on the other hand, it also states that the unemployment position will be reduced to 7% in 1975. This shows that at the end of the Second Five-Year Malaysia Plan, the Government would have only succeeded in achieving the reduction in unemployment by 0.5%—in fact $\frac{1}{2}$ %.

Sir, the Government’s statement that 348,000 unemployed people have been offered employment is most misleading, vicious and the figure is fictitious. Sir, I quote certain figures from the report of the Ministry of Labour and Manpower published in the Press which are glaring and contradict the figures appearing in the Mid-Term

Review of the Second Malaysia Plan. Sir, the *Straits Times* on 19th December, 1970 stated:

“About 162,000 people registered for employment in October, according to the Ministry of Labour. This showed a small decrease from 163,681 at the end of the previous month to 161,907 at the end of October, 1970. The October figures, however, show an increase of about 1,900 job seekers against the period last year.”

The *Straits Times* on 13th October, 1972 stated as follows:

“The number of job seekers who registered with the Employment Offices throughout the country till the end of August was 169,011. In August new registrants—13,831; found jobs—2,512.”

The *Straits Times* on 29th January, 1973 stated:

“About 160,000 people sought jobs with employment services of the Manpower Department, Ministry of Labour and Manpower at the end of October last year. Of these only 2,109 were placed in employment during the month, the Monthly Report for October of the Ministry stated”.

Sir, from these figures, it is almost certain that the Government could not have provided the jobs for 348,000 people as stated. I do not accept the percentage of unemployment given in the Report as it is based on the figures obtained from the Employment Exchanges. The actual situation of employment is much higher than 7.5%. This is because of the fact that thousands of workers do not seek the assistance of Employment Exchanges for securing jobs due to the nature of jobs—estate workers, mine workers, construction workers—and also because of frustration of workers not being able to secure jobs through the Employment Exchanges for so many years. Even by accepting the figure of 7.5% unemployment in this country, by the end of 1975, only ½% would have found jobs.

According to reports of the Ministry of Labour, jobs are found for 2,000 workers per month, on an average 24,000 a year. By this, 72,000 people could have found jobs during the last three years. Therefore, the figure of 348,000 is misleading and it is not a true

figure. Sir, the paragraphs in this Report are designed to project political stability, but in reality unemployment continues to remain a serious threat to the nation. Sir, the unemployment position cannot be less than 12% even today. Only it could be more.

Sir, the Review admits in one of the paragraphs “unemployment among Indians, however, has worsened considerably”. I am so sad, Sir, that the Minister of Labour and Manpower—the President of the Malaysian Indian Congress—is not here to listen to the statement. He must be able to answer this. Sir, this justifies my argument that employment in the public sector has been restricted and prevented to non-bumiputras. Sir, fragmentation and clearance of estates for development projects have thrown many estate workers out of employment. Sir, the Government had not rehabilitated the retrenched or dismissed workers by proper schemes for alternate employment. Rehabilitation of retrenched and dismissed workers is vitally important to offer a livelihood for thousands and thousands of estate workers who have contributed to the development and progress of the Malaysian economy.

Sir, a section of the Report says:

“The Government, with the participation of the managements of estates and mines, has also launched a home ownership scheme for the workers”.

This scheme, however, remains on paper. Many estate and mine workers have become destitute in the absence of dwelling houses after retirement. All the time, for 40 or 50 years, the employees in the estates have lived in estate quarters and when they are dismissed or retrenched, they have no homes to rehabilitate themselves.

I wish to stress on the problem of the Indian community in our country in the absence of any revelation by the President of the Malaysian Indian Congress. Not only the Indians form the highest percentage among the unemployed but, according to a survey carried out by the Statistics Department, they perform generally the lowest paid and meanest jobs. Sir, the Murad Report on drop-outs has reiterated that the rates of drop-outs and illiteracy are highest among the Indians.

Economically also, the Indians are the worst affected as is reflected in the following

facts. In 1969, the Indian ownership of share capital of limited companies in Peninsula Malaysia was a mere 0.9%. The percentage has since gone down. In a survey conducted on beggars by the University of Malaya students in the City of Kuala Lumpur on 2nd October, 1972, it was revealed that out of the 162 beggars they found, 143 were Indians. Both the President and the ex-President of the Malaysian Indian Congress are answerable as they have created more beggars instead of giving a new life to the Indian community.

Sir, the above facts make the Government slogan of correcting economic imbalance sound hollow. In reality this fantastically deceptive slogan of correcting economic imbalance means the creation of a few Malay millionaires and capitalists leaving the vast majority of the Malay, Chinese and Indian rakyat in abject poverty.

4.24 *ptg.*

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (Kota Star Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan membahaskan usul Perdana Menteri mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua yang dikemukakan kepada kita di dalam Dewan ini. Sebelum saya mengemukakan pendapat saya di dalam beberapa masaalah mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Campuran PAS/Perikatan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Rancangan Malaysia yang telah berjalan sudah tiga tahun itu di mana mendapat kejayaan yang cemerlang lebih daripada matlamat yang dijangka pada setengah bidang. Ini, adalah terbukti dari hasil kerjasama yang jujur kedua belah pihak demi kepentingan negara dan rakyat di masa akhir ini. Dan bagi kita yang ingin melihat kemajuan yang lebih banyak di masa hadapan untuk semua pihak lebih-lebih lagi rakyat bumiputra yang sedang bermula mengorak langkah kemajuan yang tinggi tentu sekali berbangga dengan kerjasama yang wujud di dalam Kerajaan Campuran yang ada sekarang.

Pelajaran dan Latihan

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita bergembira dengan kejayaan yang cemerlang yang dicapai, ada beberapa perkara lagi pada pendapat saya harus diberi perhatian

berat yang sungguh-sungguh, kerana pada pendapat saya ianya merupakan anak kunci kejayaan dan kemajuan negara kita di masa hadapan, iaitu di dalam Bab XI bersabit dengan Pelajaran dan Latihan di muka 213 di mana dilapurkan di dalam Bab tersebut pada pendapat saya hanya menyentuh espek kuantiti kepada kebanyakannya, tetapi pada espek kualiti ataupun kemutuan yang sangat mustahak tidak begitu jelas dilapurkan. Di antaranya, seumpama latihan guru. Usaha Kerajaan untuk memajukan pelajaran pada keseluruhannya sangatlah menggalakkan lebih-lebih lagi di dalam melaksanakan Bahasa Malaysia. Tetapi adalah dimuskilkan jika ditinjau, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyediaan guru-guru Bahasa Malaysia. Walaupun kita mengakui memang ada guru-guru yang dilatih melalui Maktab-maktab Latihan samada Maktab Latihan Rendah atau menengah bahkan di peringkat diploma di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, dan sungguhpun kita mendengar tentang adanya kursus untuk guru-guru bukan Melayu mempelajari Bahasa Malaysia secara kursus di dalam perkhidmatan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah usaha-usaha ini dijalankan untuk guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia untuk menjadikan mereka up-to-date supaya tidak ketinggalan zaman dan untuk memperbaiki mutu (up-to-grade) pengajaran guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia.

Maktab Perguruan

Pada satu masa dahulu Maktab Perguruan Bahasa adalah dikhaskan untuk melatih guru-guru Bahasa Malaysia, tetapi ini pada peringkat asas sahaja, (basic course) cuma pada tiga atau empat tahun pertama iaitu tahun 1958, 1959, 1960 dan 1961 dan tidak ada Maktab seperti S.T.T.I. atau Maktab Perguruan Ilmu Khas di dalam Bahasa Malaysia. Jadi, perkara ini jelas berbeza apabila dibandingkan dengan guru-guru bahasa Inggeris, kerana mereka ini dihantar mengikuti kursus Regional English Language Centre, Singapore. Kursus-kursus lanjutan dalam bidang teaching of English as a second language atau foreign language di United Kingdom, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat dan lain-lain. Di dalam hal ini, saya ingin mengetahui adakah Kerajaan telah membuat rancangan-rancangan untuk meninggikan mutu pengajaran to up-grade dan menjalankan kursus-kursus

untuk meninggikan pengajaran guru-guru Bahasa Malaysia sama seperti T.E.S.L. ataupun T.E.F.L. di dalam Bahasa Inggeris. Jika tidak, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, supaya mengadakan dengan seberapa segera kursus-kursus seperti itu samada dengan Kementerian itu sendiri mengendalikannya atau menghantar guru-guru Bahasa Malaysia ke universiti-universiti di dalam negeri atau luar negeri seperti ke Indonesia dan lain-lain. Pada pendapat saya dengan berbuat demikian, akan bertambahlah lagi taraf pengajaran guru-guru kita di negeri ini.

Sekolah Rendah Kebangsaan

Yang kedua, saya ingin menyentuh di dalam bahasan saya ini ialah bersabit dengan sekolah rendah kebangsaan. Di dalam melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris akan beralih menjadi sekolah kebangsaan dan mulai tahun 1976 semua mata pelajaran akan ditukar bahasa pengantarnya kepada Bahasa Malaysia. Tetapi, dengan hanya mengubah bahasa pengantar sahaja pada pendapat saya belum boleh dikatakan sudah mencukupi, kerana masyarakat masih lagi memandang tinggi terhadap sekolah rendah Inggeris. Masyarakat menganggap demikian, kerana sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang banyak dan guru-guru yang berpengalaman serta terlatih, sedangkan di sekolah-sekolah Melayu sebaliknya.

Keciciran

Ini, Tuan Yang di-Pertua, telah dibuktikan dalam Lapuran Kajian Keciciran yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri di muka surat 29 dan 30. Saya rasa tidak perlu saya membuat petikan, kerana menjaga masa. Jadi, memandangkan kepada perkara-perkara yang disebutkan di dalam kajian itu, maka saya meminta kepada Kementerian Pelajaran supaya perkara-perkara itu mestilah dibaiki dengan seberapa segera. Kemudahan-kemudahan hendaklah diberi sama rata, samada di bandar atau di luarbandar. Guru-guru berkelayakan dari Sekolah Inggeris hendaklah ditukarkan ke Sekolah Rendah Kebangsaan supaya dengan pemberian guru-guru yang berkelayakan mempunyai taburan yang sama.

Perlantikan Guru dalam Perkhidmatan Pelajaran

Yang ketiganya, saya ingin menyentuh iaitu bersabit dengan perlantikan guru ke dalam perkhidmatan pelajaran. Pada masa ini ada beratus-ratus orang guru lepasan universiti sedang mengajar dengan taraf sangkut sahaja (attachment teachers). Kebanyakan daripada mereka ini telah bersusah-payah memasuki peperiksaan H.S.C./S.T.P. secara bersendirian, kemudian mengambil cuti selama 3 tahun tanpa gaji penuh, meninggalkan anak-isteri mereka dan lain-lain tanggungan. Setelah tiga atau empat tahun bertungkus-lumus di medan pelajaran dan telah lulus dari universiti dan mulai mengajar semula pada tahun 1973, mereka ini berkhidmat sepenuh masa, tetapi hingga sekarang masih belum dilantik ke dalam perkhidmatan pelajaran. Ada setengah-setengahnya, telah berhutang sewaktu di dalam universiti dahulu. Mereka ini terpaksa membayar hutang itu, tetapi gaji mereka masih lagi gaji lama. Ada setengahnya sudah mempunyai anak yang bersekolah di mana menjadikan tanggungjawab mereka makin berat, lebih-lebih lagi di masa sekarang harga barang naik dan juga sewa rumah makin tinggi. Mereka juga tidak boleh memohon sewa rumah Kerajaan kerana mereka belum lagi menjadi pegawai Kerajaan. Begitu juga kemudahan-kemudahan lain untuk pegawai-pegawai Kerajaan tidak dapat dinikmati oleh mereka, tetapi sedangkan rakan-rakan sepelajaran atau sedarjah yang menjawat jawatan perkhidmatan awam dan lain-lain pada masa sekarang ini telah pun dilantik dan menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bulan Disember hanya beberapa hari sahaja lagi akan menjelang, tetapi guru-guru ini belum lagi ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bahkan surat panggilan temuduga pun belum mereka terima lagi.

Pada tahun 1972, guru-guru keluaran universiti ini dipanggil temuduga pada pertengahan tahun sahaja, tetapi pada tahun ini ditemuduga pada akhir tahun atau mungkin di awal tahun 1974. Bersabit dengan hal ini, saya berasa khuatir jika layanan yang tidak berat diberikan selalu kepada guru-guru, satu masa nanti keciciran

akan berlaku pula kepada guru-guru. Oleh itu, saya syorkan supaya guru-guru itu dilantik dengan seberapa segera.

Pelajaran dan Keugamaan

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan beralih kepada perkara yang keempat iaitu pelajaran dan keugamaan. Pada masa ini masalah yang dihadapi oleh negara ialah soal keruntuhan akhlak. Banyak desakan-desakan dibuat untuk memberi hukuman berat terhadap penjenayah-penjenayah di dalam kes dadah, pencuri, perompak, pelacur dan sebagainya telahpun disuarakan oleh para-para bijak-pandai dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang insaf. Undang-undang seperti itu adalah semata-mata tindakan dari segi luar yang ditujukan kepada membatasi peribadi seseorang itu sahaja, tetapi dibaliknya espek-espek yang lebih mustahak iaitu menyemaikan didikan rohaniah yang sihat melalui agama tidak berapa diberatkan. Kita selalu mendengar kata-kata bahawa agama Islam ialah agama negara yang pasti diikuti segala perintahnya, tetapi cara pengajaran itu dibuat merupakan seperti pengajaran mata pelajaran lain atau untuk mencukupi mata pelajaran peperiksaan sahaja. Kita hendaklah menjadikan pelajaran agama Islam itu di sekolah-sekolah sebagai satu mata pelajaran yang wajib dan pengajarannya mestilah progresif serta mengikut perubahan zaman yang tidak berlawanan dengan Islam.

Untuk mencapai tujuan ini, saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan, di antaranya supaya mengadakan bilik-bilik almaliah agama di semua sekolah yang mempunyai murid Islam belajar dan untuk melengkapkan pelajar-pelajar kita yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri, saya syorkan supaya Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam mengadakan buku-buku panduan agama Islam untuk tiap-tiap seorang mereka ataupun kursus agama khas yang intensif, tetapi di dalam jangka masa yang pendek bagi tiap-tiap pelajar yang akan keluar negeri itu. Juga dihantar risalah-risalah keugamaan kepada pusat-pusat pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri. Jangalah hendaknya apabila anak muda yang pulang dari luar dan perangai tidak senonoh itu atau kurang sopan atau melanggar tata-tertib keugamaan baharu kita hendak ambil tindakan terhadap mereka, saya rasa perkara ini seperti kata

orang tua "nasi sudah menjadi bubur". Tetapi sebaliknya jika dilatih dan diasuh dari kecil baru boleh kita katakan "melentur buluh dari masa rebungnya".

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, setakat ini mencukupilah buat saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

4.36 ptg.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in making an assessment of our achievements based on figures, graphs and percentages, one should do so with a certain amount of caution. It is not because we do not trust figures, but in the context of achievements figures can sometimes mislead, as many factors are possibly not included in the figures which are ultimately presented. It is a well-known fact, Mr Speaker, Sir, that an expert statistician or mathematician can make the same set of facts and figures tell many different and sometimes completely contradictory stories.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister in moving the Motion for the adoption of the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan has called for recognition of the House on, and I quote him:

"The remarkable and steady progress made during the first three years of the Second Malaysia Plan in attaining the objectives of the two prongs in the New Economic Policy for the eradication of poverty irrespective of race and the restructuring of Malaysian society to correct racial economic imbalances."

May I, Sir, before proceeding any further touch on the objectives of the two main prime prongs of the Second Malaysia Plan and to comment whether indeed we have really achieved remarkable and steady progress towards obtaining them. Have we?

Mr Speaker, Sir, I have on previous occasions spoken in this House of the need to ensure that in the process of the eradication of poverty irrespective of race that some form of organisation should be set up similar to bodies such as PERNAS, Bank Bumiputra, MARA, etc., to name a few, to assist and cater to the needs of the non-Bumiputras, such as Chinese, Indians and others. When I brought this matter up before, the Honourable Deputy Minister of

Finance, I think, at that time, said that those poor non-Bumiputras who needed any assistance could apply to the banks for it.

Mr Speaker, Sir, indeed, if these poor non-Bumiputras could get assistance from banks and have collaterals to pledge to the banks to obtain these loans, then possibly they would not qualify to be called "poor". Furthermore, there is the question of subsidy and outright aid. Where do these people go to apply for them, bearing in mind that when a man is poor and he is down, his horizons are also limited? It is because his horizons are low that he must be able to see some visible organisation, I repeat, Sir, visible organisation, to whom he can approach for assistance and sustain aid.

Mr Speaker, Sir, it is a sad irony that, as of the moment, when we are reviewing the Second Malaysia Plan, one of the prime objectives is to assist the have-nots irrespective of race and yet not a single body or organisation has been specially set-up by the Government to assist the poor of the non-bumiputra races.

Mr Speaker, Sir, I would like here to go on record that I congratulate the Government for taking steps to assist the Bumiputras and restructuring the society. But as the Prime Minister had said in his Address, and I quote him here, "We stand committed to help the weak, the poor and the disadvantaged, whatever their race, creed or culture." Therefore, Mr Speaker, Sir, I sincerely hope that the Prime Minister will set up immediately a body to show visibly that the Government will honour this pledge. I do not say here that the Government has not done anything for these non-Bumiputras. Perhaps the Government has done indirectly quite a lot for them, but what is needed here is for the Government to do it directly and visibly and in a way that everyone in this nation of ours can see that it is being done. This is the only way to stop the poor of the other races feeling that they have been left out.

Mr Speaker, Sir, it would be appropriate here for me to point out another observation which, though unfortunate, is only too true. There seems to be a tendency when in implementing the two prongs of the Malaysia Plan, namely, restructuring of Malaysian society to correct racial imbalance and the eradication of poverty irrespective of race, to

lump—I repeat, to lump—these two together at the expense of the latter. Indeed, some authorities and Ministries, both State and Federal, tend to carry out only the restructuring of society as their main objective. This has resulted in the poor of the other races being left out in the cold. There appears to be some muddled thinking on the part of these authorities resulting in the discriminate or so-called indiscriminate, awards of scholarships, land, licences and other practices. I would, therefore, like to appeal here to the Honourable Prime Minister to make a clear-cut directive to all Ministries and authorities and the States that they should not lump these two together but that these two objectives, i.e., the two prongs of the Second Malaysia Plan, must be treated separately and with the same emphasis that they deserve.

Mr Speaker, Sir, in the implementation of the Second Malaysia Plan there have been numerous complaints from the public that the assistance given to the Bumiputras has not been done fairly. Several Honourable Members have already spoken about this previously in this House. There have been complaints that only friends, cronies and members of the Government political parties appear to get the lion's share of the assistance from the authorities whereas those who are out of this category are not being assisted.

I would like to quote here, Sir, a letter which I received just a few days' ago from none other than the former Senator, Andrew Jika Landau. He said, and I quote a part of it—he had made an application to the Director of Fisheries in Kuching on 3rd July—"I got the proforma questionnaires answered and handed this to a clerk in the said department. He—i.e. the Director—advised me that I might get a reply after a few months. I received nothing till today." Next he went on, "I can vouch that mine is a genuine case of hardship and when I was terminated the term of Senatorship a couple of years ago, I entered the category of poverty. When will the Government eradicate poverty? I did not go to MARA or similar statutory bodies for a loan because I know for certain I will never get it and I doubt this subsidy will be considered if at all." Mr Speaker, Sir, this reflects in a way the utter despair of some of these people on

applications for loans, and I think the Government must do something about it. It is well for the Government, Sir, to look into this matter; otherwise we cannot say that the Second Malaysia Plan is really achieving its objectives.

Mr Speaker, Sir, none other than the Honourable Prime Minister himself had once said, and I would like to quote him here, Sir, because this is very, very true—the thing he had spoken. The Honourable Prime Minister said, “You cannot expect people to be loyal until they have something to be loyal to”. Indeed, how true. Mr Speaker, Sir, we Malaysians have much to be proud about. We have only to travel to other countries to realise how comparatively lucky we are. There is still, however, much room for improvement and the basic thing is whether people as a whole, Malaysians as a whole, are prepared to put the nation’s interest above party interests to achieve our national goals.

The Honourable Prime Minister has called on us, to quote him, “in the spirit of Rukunegara” to create a just, equitable, united and progressive nation. Unfortunately, Mr Speaker, Sir, this seems to have gone unheeded not by Members of the Opposition, not by the average Malaysians in the street or in the kampung, but indeed by some of those in authority. I refer here, Sir, in particular to the Coalition State Government of Sarawak. They seem to have completely ignored this. The parties that have formed Coalition Government in Sarawak have shown that party interest is all important. The rest does not matter. As far as they are concerned, it appears, the Rukunegara is unimportant; as far as they are concerned, a just and equitable society is only a good slogan but not for implementation; as far as their interpretations are concerned, a progressive nation means putting the clock back. What is important to them is to make sure that everybody must support their party to ensure that they stay in power and to achieve this, Sir, they resort to the weapon of fear. I shall point out later on what this is about.

Mr Speaker, Sir, perhaps the Honourable Prime Minister and the Honourable Members of this House are not aware of what is at the moment going on in Sarawak because it is so seldom that Honourable Members of

this House visit Sarawak and go to the kampungs and small towns to find out what the people feel. I have spoken previously of the sacking of none other than the Honourable Member of Parliament for Serian, Pengarah Rahun. Lately in September, Sir, about a dozen Penghulus and Tua Kampung in Limbang and Lawas and more in other parts of Sarawak over the months have been sacked and most, if not all of them, happen to be Sarawak National Party members.

Mr Speaker, Sir, the right to dismiss, the right to sack, of course, is a Government right. If a person does not do his job well or he is unsuitable and unfit, he should be sacked. But after sacking these traditional headmen of the people who are respected by their respective communities, the State Coalition Government instead of calling for an election, which is the practice in that particular community, to choose democratically whom that community wished to lead them, have nominated their own party supporters and party members to be Penghulus and Temenggongs.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Has the Honourable Member brought this to the notice of the Sarawak Government?

Datuk James Wong Kim Min: I have, Sir. They have turned a deaf ear to it. That is why I am bringing it to this House.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: This is a matter for the State really.

Datuk James Wong Kim Min: Well, I am making it in the spirit of Rukunegara. These nominated people’s main qualification are that they are loyal supporters of the party in power. They have been appointed in spite of the fact that some of them are completely unsuitable and unacceptable as headmen because of their personal character and/or conviction records. But all this does not matter, Sir. It appears that as far as Coalition Government is concerned, they are supporters. The Coalition Government had gone to some of those who have been sacked and intimidated to them that if they did not support the Government, then they would be sacked. This is what I call intimidation, which is against the Rukunegara, Sir, I submit.

Mr Speaker, Sir, during the old bad colonial days, the community had the right

to choose whom they wished to be their leader. Now that we are an independent nation, the same people who are eligible to vote and elect their own Council Negri Members, their own Members of Parliament, and thereby the State Ministers and Federal Ministers, are denied the right to choose their own Penghulus and Headmen who will have to look after their everyday needs and who are to guide them. What a mockery! Instead the Coalition Government has foisted on them people that they cannot accept as Penghulus and Temenggongs to ensure that these Coalition Party supporters get paid by the Government for their unwanted services and that, hopefully, these people would be able to influence the community to vote and support the Government Coalition Parties.

Unfortunately, Mr Speaker, Sir—and this is where the tragedy comes in—this action breaks up the unity of the community and the people and causes resentment against the national ideals of the *Rukunegara*—a just society and democracy—and makes nonsense of the national ideals of the Second Malaysia Plan where national unity is the prime objective.

Mr Speaker, Sir, so what is happening now in Sarawak is that instead of the community being united under leaders whom they respect and are able to understand, they have now no leaders because some of the nominated leaders are, as I have pointed out, completely unacceptable. Therefore, the Motion which the Honourable Prime Minister has put forward becomes meaningless, because it is not true that there is a just equitable society and that we are a progressive nation. How can we be progressive when right at the grass-root level the voters are denied the right to choose their own community leaders who are able to unite them? How can we be progressive when we are even more backward now by having nominated leaders at a time when, for instance, in Sarawak, we are supposed to be independent?

Mr Speaker, Sir, if there is any doubt at all in the minds of Honourable Members of this House or indeed of our respected Prime Minister and the Federal Ministers as to the truth of my statement that these nominated leaders are unacceptable and that the system of nominated leaders is repugnant and an abhorrence to the Sarawak people, I would

ask the Honourable Prime Minister and the Ministers to appoint a Commission of Inquiry to investigate this matter. This is a challenge which I throw forward to the Sarawak Coalition Government Ministers if they disagree with my statement today. I challenge them to ask the Federal Government to appoint a Commission of Inquiry immediately or, better still, a referendum on this issue.

Mr Speaker, Sir, I am disappointed to note that in the Mid-Term Review no provision has been made for an Agricultural College in Sarawak. I have spoken previously on this subject and because it is important, I am bringing it up again today. An Agricultural College for Sarawak is a matter of absolute priority. There is a need to give the people of Sarawak a hope. Since Sarawak is an agricultural country, an Agricultural College would provide places for more students and for more agriculturists in the country to be self-sufficient in food and have more to export and indeed to embark on commercial farming, as the Honourable Prime Minister has said. Only agriculture will serve the long-term problem of employment in Sarawak. Only agriculture will be able to absorb most of the school leavers. Therefore, I appeal to the Government to give this matter urgent consideration and implementation.

Mr Speaker, Sir, I would also like to take this opportunity of pointing out our disappointment in noting that in this Mid-Term Review the 7th mile Buang Seol Pandarun Road has again been left out and not included in the Plan. It is sad, Mr Speaker, Sir, that this nation, which is committed to democracy, should allow politics to prevent the Government from building this road, merely because most of the supporters in the area are SNAP supporters. What the Government and Honourable Members must appreciate is this. The 7th Mile Buang Seol Pandarun Road was approved by the State Council Negri and by the Federal Government under the First Malaysia Plan. The people in that area had looked with hope since then for the building of the road. Work on the building of the road was started and then stopped in 1967 for political reasons, as I have stated above. Since then nothing has been done to put it back in spite of the fact that it was recommended again subsequently as a matter

of priority by the Divisional Development Committee. The people in Limbang know that the Federal Government has voted to build this road and that this august House has approved the building of that road and they are asking why the Federal Government is not building it. Is it because the Federal Government also agree with the State Government's party policy, that unless you support the Government Parties you will not get roads built, that unless you support the Government parties you will not be made a *Penghulu* or a Headman, that unless you support the Government parties you will not get assistance? Mr Speaker, Sir, I would like to say here, once again, that the credibility of the Government of Malaysia nonetheless, both State and Federal, is at stake on the issue of the road and I ask and beg the Government to redeem this credibility.

Mr Speaker, Sir, in order to ensure the success of the Second Malaysia Plan and to deal with some of the complaints against the two-prong objectives, I would like to suggest to the Government the appointment of a "Watchdog Committee" consisting of Honourable Members of this House to whom everyone who has a complaint is able to write to. We have a Complaints Bureau but, unfortunately, this Complaints Bureau, in the minds of the people, does not have sufficient power and credibility, since it is not run by a Parliamentary Committee and therefore it is not as effective as a Parliamentary Watchdog Committee would be.

Mr Speaker, Sir, glowing as the achievements of the Second Malaysia Plan appear to be, we must not look into the future with any complacency. The Honourable Prime Minister has rightly warned us about this. The question of whether or not we will achieve targets of the Second Malaysia Plan, not in terms of dollars and cents only, but in terms of actual achievements and fulfilment to the people, will depend on many factors, one of which is the worrying energy problem. Make no mistake about it. If this energy problem continues, it is bound to affect us and our economy in the long run. The shortage of ships, the increases of freight, the gearing down of the economy of the various nations whom we deal with and who are our buyers are bound in the long run to affect our ability to sell and to trade with them. As the vicious circle gets tighter, so we are bound to be caught in it. I am sure

that our Government is aware of this problem, but I do hope that provisions have already been made to deal with it in the best way we can within our own competence. For instance, I am sure that the industries which depend on oil in this country would very much like an assurance from the Government that there will be no shortage of fuel to motivate our industries, and indeed there should be no reason for shortage since we are a producer of oil.

Mr Speaker, Sir, I am glad to see that the Government is aware of the need to be self-sufficient in foodstuff. Indeed, since a big portion of people are employed directly in agriculture and we have a large rural population, every effort must be made, as a matter of priority, to ensure that we have at all times sufficient foodstuff in this country and that the rural people are encouraged to grow foodstuff to feed themselves and the country. For with the rise in prices of commodities and the shrinking value of money, it is inevitable that whether or not there is an energy crisis the prices of foodstuff will go up and up unless we are able to plant and to grow enough ourselves to keep the prices down. To ensure a happy and contented people, let us look at the fundamental needs of the people. What are the basic needs of a person, of a citizen? This means, in plain simple language, three meals of rice a day and a roof over their heads.

Mr Speaker, Sir, there is a time also where we must make sure that every dollar is spent wisely in the right direction and what better way than to spend it on the growing of foodstuff to ensure that we have adequate supply. We must stop, for the time being, building impact and prestige projects. While these prestigious schemes cater to our conceit and ego, they do not serve the interest of the majority of the people.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister has touched on the rising prices of food grains being an international problem. Whilst I do not disagree with his statement, I am sure Honourable Members agree that we in Malaysia have not yet exhausted our full capability to produce more grains for our internal needs. This is a matter which should be pursued with vigour.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

On the question of energy, Mr Speaker, Sir, perhaps the time has come when we may have to look ahead and study the possibility of expanding and harnessing the hydro-electric power of our rivers. This is one source of energy which is continuous and once established is comparatively cheap to maintain and is also one which gives the least pollution.

The Honourable Prime Minister in his presentation said that the progressive expansion of the economy has contributed to the rising standard of living of the mass of people. I am not sure whether this is a correct statement to say, because with the rising prices of commodities the standard of living of some of our people have definitely been affected, particularly in the rural areas, and it is possibly true to say that some of them have not been able to maintain their previous standard of living. This is because gains of progress has been nullified by increased costs.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister has called for the promotion of greater integration among States. This is very desirable. But I would like to make an appeal here, Sir, that it is also essential for the States to quickly approve applications for projects, particularly from the private sector and individuals. One of the causes as to why the public sector has not been as forward and impressive in its achievements in the Second Malaysia Plan is the delays caused by red tapes and authorities in approving projects. These bottle-necks must be unblocked.

Mr Speaker, Sir, whilst the internal air services have been improved tremendously, and I congratulate the Government here for it, the same cannot be said of the shipping services, particularly for shipping from Sarawak to West Malaysia and elsewhere. More must be done to improve this particular sector.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister has said that 60% of the target of expenditure plan for 1971 to 1975 had been achieved and by the end of this year nearly \$5,000 million will have been utilised, out of the initial programme for public sector of \$7,000 million.

Mr Speaker, Sir, in view of the rising cost of commodities and materials and wages, I wonder how much cost overruns are involved in this expenditure, and to what percentage have the overruns of cost for carrying out the original projects affected the actual work done? It would be interesting, Sir, to have the figures. Hence, Mr Speaker, Sir, I do not think it is a fair criterion to judge progress mainly by the amount of expenditure.

Mr Speaker, Sir, speaking on the strengthening of administrative machinery, I am heartened to note that the Honourable Minister has given an assurance, and I quote him here, that "The Government administrative machinery would be re-organised and strengthened at grass roots level to facilitate the implementation of policy measures to help the farmers." I am also glad to note that the Farmers' Organisation Authority is now vigorously preparing programmes and I would very much be interested to know what are these programmes and how soon these programmes would be made available to the public to benefit them.

Mr Speaker, Sir, I must say that I am very glad by the various assurances given by the Honourable Prime Minister in delivering his Motion, which was very ably delivered. I sincerely hope that these observations which I have made, and which are not made lightly but are made after very careful thought and with the best interest of the nation at heart, would be seriously taken note of by the Honourable Prime Minister and the Government. It gives me no pleasure, Mr Speaker, Sir, to make some of the allegations which I have made, and I can assure you, Sir, that I have made them only because my repeated pleas in the Council Negri Chambers have gone unheeded and therefore I am left with no option but to bring them to the attention of this national body. I hope my criticisms and observations will be taken in the spirit in which they are given, that is for the best interests of the nation.

Before I sit down, I would like to make an appeal. Let us not make, Sir, a mockery of our national ideals, let us not make a mockery of our Rukunegara, let us not make a mockery of our Masyarakat Adil and let us not make a mockery of our democracy, which we all cherish. Let us implement and practise it. Thank you.

5.05 p.g.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, dalam mendengar ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang, saya merasa sedih di dalam perbahasan Laporan Pertengahan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini masaalah-masaalah yang bercorak perkauman telah dibangkit-bangkitkan, padahal Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkali-kali menegaskan bahawa tujuan Rancangan ini ialah untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia adalah ditujukan untuk mencapai perpaduan dan untuk keseluruhan rakyat Malaysia. Dan Rancangan Malaysia Kedua ini dan buku ini juga didedahkan atau dikemukakan di dalam Dewan ini dengan kenyataan-kenyataan dan statistik-statistik yang ditunjukkan adalah membuktikan kejujuran Kerajaan di dalam melaksanakan dan mencapai dasar Rancangan Malaysia Kedua dan ekonomi baharu ini.

Saya rasa, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang belum dapat lagi memahami hasrat Kerajaan yang jujur dan ikhlas untuk melaksanakan rancangan-rancangan ini demi kepentingan keseluruhan rakyat, saya rasa susah kalau satu-satu masaalah ataupun sistem atau peraturan yang boleh disesuaikan dengan keadaan di Malaysia kita pada hari ini. Saya masih ingat apa yang disebutkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail dahulu, iaitu segala sokongan dan bantuan yang diberikan kepada orang Melayu dan rakyat bumiputra pada hari ini adalah merupakan sebagai handicap di dalam permainan golf. Sedangkan di dalam permainan golf diberikan handicap oleh pemain-pemain yang handicapnya rendah untuk mencari fairness atau keadilan. Begitulah juga di dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum yang kita warisi daripada penjajah, yang kita sudah menerima hakikat bahawa ekonomi kita telah dijajah dan diperah dan dipisah-pisahkan rakyat Malaysia kepada berbagai-bagai golongan sehingga merupakan satu kaum kaya dan satu kaum senang.

Dalam masyarakat yang sebegini sudah semestinyalah cara handicap ini dijalankan dan difahami oleh rakyat Malaysia. Saya rasa amat malang dan sedih. Saya percaya pemimpin Kerajaan atau Yang Amat Ber-

hormat Tun juga hendak menyentuh masaalah ini, kerana kalau disentuh lebih luas maka Kerajaan ataupun parti Perikatan akan dituduh sebagai parti perkauman atau parti UMNO sebagai parti orang Melayu dan sebagainya, tetapi kalau tidak disentuh sedikit, saya rasa mengelirukan rakyat Malaysia, seolah-olahnya benar Kerajaan Perikatan dan parti Perikatan ini membuat segala-galanya untuk kepentingan orang Melayu dan bumiputra. Adakah ini kenyataan yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua? Apa yang berlaku hari ini dengan perkembangan-perkembangan pesat yang dianjurkan dan yang disediakan kemudahan-kemudahannya oleh Kerajaan segala-galanya ini boleh dikatakan menguntungkan orang bumiputra sedikit, tetapi lebih banyak menguntungkan orang-orang yang bukan bumiputra.

Perniagaan dan Perusahaan

Kita lihat di sini dari segi perniagaan dan perusahaan. Kalau ada sebuah kedai bumiputra yang baharu ditubuhkan sebaliknya berpuluh atau beratus buah kedai yang bukan bumiputra ditubuhkan. Kalau ada sebuah bank bumiputra ditubuhkan berpuluh-puluh bank orang-orang yang bukan bumiputra ditubuhkan. Begitulah juga perusahaan-perusahaan boleh dikatakan tidak ada langsung perusahaan yang bercorak bumiputra, tetapi kalau ada pun lebih banyak lagi perusahaan orang-orang bukan bumiputra ditubuhkan. Kalau ada sebuah rumah didirikan untuk kepentingan bumiputra 10 atau 100 didirikan untuk kepentingan orang-orang bukan bumiputra. Tetapi ini tidak menjadi soal. Orang Melayu dan rakyat bumiputra tidak pun merasa cemburu dan iri hati. Lagi pula Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan memberi peluang modal baik dari luar, mahupun dari dalam negeri, diberi galakan menanam modal, diberi pioneer status, diberi itu dan diberi ini. Siapa yang mendapat keuntungan semuanya ini? Siapa yang dapat faedah-faedah besar daripada semuanya ini? Padahal ini juga menambahkan kedudukan di dalam lapangan sosial, dalam lapangan pelajaran dan di dalam segala-gala lapangan, ada bersangkutan antara satu dengan lain. Saya harap ahli-ahli Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dalam masaalah begini mesti dipandang keseluruhannya.

Saya tahu yang ditujukan itu bukannya di dalam Dewan ini, tetapi adalah untuk rakyat di luar daripada Dewan untuk mencari faedah propaganda dan sebagainya. Tetapi kalau kita berasa bertanggungjawab kepada negara, kepada rakyat dan kepada masa depan negara ini, saya rasa kita sepatutlah menimbang dengan sebaik-baiknya supaya jangan perbuatan dan perkataan kita itu merusakkan lagi, menerbitkan lagi masalah-masalah perkara-perkara yang ditakut dan dibimbangkan di dalam masyarakat Malaysia yang berbagai dan berbilang bangsa ini. Kita telah mengalami pengalaman itu dan tidak ada seorang pun yang berkehendakkan pengalaman itu berulang balik—tidak ada.

Tadi saya dengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat dan saya berasa bimbang ucapan yang sebegitu dibuat di dalam masa kita membincangkan masalah ekonomi kerana disebutkan beberapa kemudahan yang diberikan kepada bumiputra seperti MARA, PERNAS dan sebagainya. Tetapi MARA, PERNAS, Bank Bumiputra dan sebagainya bandingkanlah dengan perusahaan-perusahaan, Bank-bank dan sebagainya yang didirikan di Malaysia ini dalam sedikit masa ini sedangkan Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak tadi pun ada menyebutkan banyak sungutan daripada bumiputra sendiri untuk mendapat bantuan daripada MARA dan sebagainya, susah. Ini yang dihadapi oleh bumiputra, bukannya kerana ada MARA, PERNAS, bumiputra sudah mendapat segala-gala kemudahan. Tidak sama sekali. Memang dapat faedah, tetapi kalau dibandingkan dengan faedah yang didapati oleh orang-orang yang bukan bumiputra melalui benda yang sudah established, yang sudah ada dan yang sedang ada dan yang akan diadakan dengan kekuatan-kekuatan ekonomi, kewangan, maka itu hanya sebagai setitik air di dalam lautan kalau hendak dibandingkan. Tanya bumiputra yang mendapat faedah daripada kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan—tanyalah. Saya percaya kalau dia bertanya dengan orang yang bukan bumiputra dengan ikhlas dan jujur, jauh lebih senang. Kalau mereka hendak berniaga memang dan senang—banyak kemudahan, bukan bank sahaja bahkan bermacam-macam kemudahan dan hubungan-hubungan antara satu dengan lain. Sedangkan bumiputra kalau hendak mengadakan sebuah kedai tidak ada tempat yang demikian bagi MARA, kadang-kadang

susah, MARA juga berkehendakkan jaminan dan kadang-kadang ia tak dapat mengadakan jaminan sebab itu jadi sungutan. Tetapi saya percaya kalau bukan bumiputra, senang kerana ada hubungan bermacam-macam, bukan sahaja bank tetapi hubungan kongsi, hubung kompi dan sebagainya. Semua ini saya harap hendaklah ditimbang dengan sedalam-dalamnya dan saya minta apa yang disebut oleh Allahyarham Tun Dr Ismail dahulu bahawa apa yang kita buat hari ini adalah sebagai permainan golf, beri handicap. Di sini kita hendak tengok kejujuran orang-orang yang bukan bumiputra samada jujur atau tidak, yakin dan percayakah atau tidak, atau adakah mereka hendak menafikan sama sekali, orang Melayu ataupun bumiputra hak yang patut didapati oleh bumiputra. Saya minta dipertimbangkan Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak hendak menyentuh banyak dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini kerana pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah menyentuh, tetapi cuma satu sahaja saya suka menarik perhatian Kerajaan, iaitu di dalam usaha yang pesat hendak mengimbangkan ekonomi di Malaysia ini, saya harap Kerajaan akan mengawasi supaya perkembangan ekonomi yang pesat itu tidak disalah-gunakan, dengan lain perkataan kita telah dapat atau mencuba hendak mengikis dasar kolonial penjajahan yang sedang memeras kita dengan kuasa penjajahan dahulu, itu sebab maka kita mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan yang kita capai adalah kita berkehendakkan kuasa politik dan dengan kuasa politik itu kita dapatlah akan menggunakan kuasa politik itu demi kepentingan perkembangan ekonomi dan demi kepentingan rakyat. Di dalam usaha hendak membasmi atau mengikis kolonial ekonomi ini dan dalam usaha hendak memperkembangkan ekonomi ini dengan pesat di dalam jangka waktu yang kita harap akan dapat memberi hasil yang sebesar-besarnya kepada rakyat Malaysia jangan kita terjerumus di dalam perangkap ataupun cara-cara ekonomi yang dimonopolikan oleh seseorang atau beberapa kumpulan sahaja.

Riak-riak mengenai monopoli ini, saya rasa memang sudah terdapat di dalam masyarakat Malaysia kita pada hari ini. Ini memang sebagai perkara yang biasa di

dalam perkembangan ekonomi moden, di dalam perkembangan industri terutama sekali daripada kolonial, feudal atau sebagainya kepada zaman industri moden sudah tentu masalah ini akan berbangkit. Kalau kita membaca sejarah perkembangan industri di negara-negara Barat pun masalah ini berbangkit juga sebagaimana pihak-pihak di sana ataupun negara-negara Barat dengan kerana desakan ataupun dengan kerana perbuatan-perbuatan monopoli-monopoli yang sebegini samada melalui kartel, melalui monopoli ataupun yang dipanggilkan oligopoli dan sebagainya semuanya itu akhirnya membangkitkan perasaan Kerajaan untuk membela dan menjaga rakyat sehingga terbitlah berbagai undang-undang sebagai anti-Trust Law di Amerika, di England dan sebagainya kerana hendak menjaga kepentingan rakyat. Masalah monopoli ini memang akan berbangkit.

Mempercepatkan Ekonomi

Saya harap di sini juga, di Malaysia ini di dalam enthusiasm kita ataupun kesungguhan kita hendak mempercepatkan ekonomi memberi peluang kemudahan, memberi itu dan memberi ini yang saya sokong dengan sepenuh-penuhnya, umpamanya pioneer status kita beri memang itu sudah membuktikan kebijaksanaan Kerajaan kita sudah terbukti hasil daripada pioneer status atau kemudahan-kemudahan yang kita beri kepada pemodal-pemodal dari luar atau dalam negeri tetapi masalahnya sekarang ini, masalah yang saya katakan tadi janganlah berbangkit usaha-usaha hendak menubuhkan monopoli ataupun penyatuan badan-badan, syarikat-syarikat yang besar untuk menentukan corak-corak pengeluaran, menentukan harga-harga pemasaran dan menentukan di mana tempat atau sepatutnya diadakan pemasaran itu dan sebagainya.

Ini akan menjadi sangat tidak baik di dalam perkembangan Malaysia dan Rancangan kita pada hari ini. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah yang tegas dalam perkara ini dan tidak akan memandang bulu. Saya katakan tidak teragak-agak demi kepentingan rakyat kerana kita tidak mahu ekonomi Malaysia yang kita hendak kikis daripada ekonomi penjajah dan akhirnya termasuk dalam perangkap ekonomi monopoli yang di-monopoli oleh beberapa orang atau oleh beberapa kumpulan semata-mata. Dan ini

juga akan memberikan, menerbitkan perasaan tidak puas hati pada masa akan datang. Saya percaya di dalam keadaan masyarakat Malaysia hari ini akan menerbitkan perasaan tidak puas hati dan tidak puas hati itu akan mengakibatkan kedudukan dan kestabilan politik pada masa akan datang. Dan saya rasa, kalau bangkitlah masalah monopoli-monopoli ini, suara-suara untuk hendak menaliskan, perusahaan-perusahaan ini akan timbul, akan memberi peluang kepada parti-parti yang bercorak kiri sosialism atau communism yang pada hari ini seniasa menuduh Kerajaan ini bercorak capitalism atau sebagainya dan kita jangan memberi peluang sama sekali kerana kita bukan bercorak capitalism sebagai yang dituduh oleh parti-parti socialist atau kominis itu.

Saya minta supaya pihak Kerajaan memandang berat dalam masalah ini. Saya tahu pihak Kerajaan berkehendakkan modal untuk melaksanakan projek, melaksanakan rancangan-rancangan kita dengan begitu pesat dan Kerajaan berjaya menarik modal dari luar dan dalam, tetapi di dalam melaksanakan rancangan ini Kerajaan mestilah mengawasi supaya jangan di dalam serampang dua mata kita itu nanti terdapat gergaji dua mata atau sebagainya pula yang akhirnya akan merosakkan kita dan merosakkan kepentingan rakyat keseluruhannya. Dan ini sudah terjadi di negeri-negeri barat yang sudah menempuh proses perindustrian pada masa yang lepas. Saya harap pengalaman di negeri barat itu kita gunakan sebagai sekatan supaya jangan terjadi di negara kita ini. Banyak sangat masalah-masalah yang saya rasa Kerajaan patut menghadapi kerana dalam perkembangan yang pesat ini segala macam dan segala rupa boleh berlaku.

FAMA

Masalah yang kedua yang saya sukakan sentuhkan sedikit, tadi telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor iaitu masalah FAMA. Saya juga berpendapat dan saya bersetuju Kerajaan telah menubuhkan FAMA dan FAMA mengikut Buku Merah ini sudah mengadakan perusahaan di beberapa buah negeri iaitu perusahaan jagung dan perusahaan kacang tanah dan akan mengadakan perusahaan di beberapa buah negeri lagi. Tetapi apa yang saya sukakan sentuh di sini bahawa, maksud dan tujuan menubuhkan FAMA dahulu kalau

saya tidak silap ialah untuk mengadakan pasaran bukannya mengadakan perusahaan sendiri, kerana kita memandangkan ekonomi rakyat di kampung sangat meleset dan tidak ada peluang hendak menambahkan hasil pendapatan mereka. Kerana pemasaran, saya menyokong pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi iaitu FAMA mesti menumpukan dan mesti menubuhkan sebelum akhir Rancangan Malaysia Kedua ini pemasaran-pemasaran di tiap-tiap bandar di luar bandar, baik kecil atau besar, dan menjamin harga dan pengeluaran yang dihasilkan oleh orang-orang kampung baik jagung, pisang, ubi, kacang dan sebagainya. Bila ada jaminan dan pasaran maka dengan sendirinya rakyat di kampung akan menanam, akan berusaha tak payah pun digalakkan saya rasa, tidak payah kita berkempen, berdikari dan sebagainya kerana mereka tahu hasil menanam 10 pokok pisang dapat dijual dengan serta merta ataupun menanam 10 pokok ubi atau sebagainya. Jadi tidak sia-sia. Masaalah yang kita hadapi sakarang ini kalau kita tanam lebih sedikit daripada cukup hidup tidak boleh hendak dijual ke mana. Kalau pun lebih hendak dijual ada sahaja sekatan, ada sahaja harga begitu dan begini dan ada sahaja orang tengah dan sebagainya. Saya minta supaya Kerajaan memandangkan berat tentang masaalah ini dan saya percaya Kerajaan ada kemampuan walaupun hendak berbelanja banyak dalam masaalah ini dengan mengadakan pemasaran-pemasaran. Dan saya tahu tentu akan bangkit bangkangan-bangkangan daripada orang tengah yang selama ini mendapat faedah. Tetapi kalau sekiranya kita hendak menolong meninggikan taraf hidup rakyat di kampung-kampung atau di luar-luar bandar bukan semata-mata kepada bumiputra, yang bukan bumiputra, dan semua rakyat Malaysia juga, maka itulah cara yang saya rasa yang immediate, yang lekas yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan.

Saham Bumiputra

Penghabisannya, saya akan sentuh sedikit iaitu berkenaan dengan saham-saham bumiputra. Kerajaan menggalakkan hari ini supaya bumiputra membeli saham-saham syarikat-syarikat perusahaan dan sebagainya dan diperuntukkan di setengah-seengah perusahaan sampai 30% umpamanya saham-saham itu hendaklah ditentukan atau diresevekan disimpan kepada bumiputra.

Ini adalah satu usaha yang sangat-sangat bijak dan sangat baik dan ini juga adalah sesuai dengan rancangan Kerajaan hendak mendapat modal bumiputra sebanyak 30% di dalam tempoh 20 tahun. Tetapi yang menjadi soal di manakah badan yang boleh menjamin bahawa saham-saham yang diperuntukkan oleh Kerajaan melalui badan-badan perusahaan ini akan kekal di dalam tangan bumiputra untuk selama-lamanya ataupun dalam masa 20 tahun. Kita tahu keadaan saham yang sentiasa naik dan turun, jual beli dan sebagainya melalui pasaran saham. Dengan sebab itu, kalaulah Kerajaan belum ada cadangan, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Badan Saham Bumiputra samada diletakkan di bawah Bank Bumiputra ataupun di bawah badan-badan lain dan Badan Saham Bumiputra ini diberi kuasa dengan cukup kemampuan modal dan sebagainya untuk membeli mana-mana juga saham bumiputra yang hendak dijual pada bila-bila masapun juga mengikut kadar pasaran saham waktu itu, bukan harga pasaran sebulan dulu, tetapi harga pasaran saham hari itu. Pendeknya kalau bumiputra hendak menjual saham dia tidak payah jual saham di tempat lain, kerana di sini pun harganya sama, sebagaimana di pasaran saham lain. Dengan jalan demikian barulah Kerajaan dapat mengadakan sekatan supaya jangan saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra itu dijual kepada orang lain daripada bumiputra. Kalau sekatan itu dibuat sekarang, dengan tidak ada badan tersebut, tentulah tidak adil semata-mata dikhaskan kepada bumiputra, dan Bumiputra tak dapat menjual saham kepada orang lain melainkan kepada bumiputra. Berapa orang bumiputrah yang dapat membeli saham itu? Kerajaan mesti mengadakan badan saham yang sebegini.

Saya rasa setakat itulah sahaja perhatian yang dapat saya berikan dan saya menyokong penuh usul ini, dan saya mengulangi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tercatat dalam Buku Merah itu sendiri: "... marilah kita sekalian, samada ahli politik kakitangan Kerajaan, anggota Pasukan Keselamatan, pihak swasta, kaum tani, buruh, nelayan, pelajar dan belia supaya meninggikan keupayaan kita untuk bersama-sama menghadapi cabaran-cabaran ini sebagai rakan seperjuangan dalam pembangunan". Sekian, terima kasih.

5.35 ptg.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua. Tujuan yang besar rancangan ini ialah mengujudkan sebuah negara Malaysia yang teguh dan bersatupadu dalam keadaan yang sentiasa maju. Rancangan kemajuan ini telah disediakan oleh Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak lepas mengkaji rancangan-rancangan kemajuan yang lepas dan tujuan-tujuan atas objektif-objektif yang dikehendaki dicapai pada masa ke hadapan. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyediakan Rancangan Malaysia Kedua yang sangat sesuai bagi keadaan negara kita sekarang dan bagi mencapai kemajuan yang lebih cepat di dalam masa dua tahun yang ke hadapan. Rancangan ini berkehendakkan sokongan dan kerjasama yang penuh dari semua lapisan penduduk-penduduk di negara ini.

Dari keyakinan saya yang rancangan ini akan dapat memberi cita-cita dan kehendak-kehendak kita mengujudkan satu negara yang aman dan maju. Saya sebagai wakil Rakyat bagi Kluang Utara, akan menjalankan kewajipan dan bahagian saya supaya rancangan ini akan berjalan dengan majunya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap di atas Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, oleh itu saya ingin bercakap di atas perkara-perkara yang belum dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya bagi memperlakkan rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) As seen in Paragraph 83 of the Mid-Term Review, a notable feature of the trends between the inter-censal years, that is 1957-1970, is that the urban population has grown annually by 3.3% and the rural population by 2.4%. A good part of the increase in the urban population is due to the migration of dwellers from rural to urban areas and new urban centres. It is recognised that the present rate of rapid

population growth in the urban areas will pose a number of socio-economic problems implying the need for a continuous increase in public expenditure on—

- (1) creation of jobs,
- (2) health services,
- (3) education and training facilities, and
- (4) social services and housing.

The implication of this migration flowing within the country are of particular significance from the stand point of restructuring society, reducing rural poverty and developing urban centres. It is a matter of great concern that the migration is moving in a one-way traffic from the rural to the urban areas thereby restructuring only the urban society which is mainly populated by the non-Malays. The migration of the urban dwellers to the rural areas is equally important if we are to create a racially balanced Malaysian Society.

This one-way migration of rural dwellers to the urban areas will, in the years to come, lead to urban congestions, not only in population, but also to increase expenditure of the above-mentioned services which might impose a burden on the financial resources of this country. It is, therefore, important that in creating a racially balanced Malaysian society, urbanisation of the rural sector is an urgent matter. Necessary incentives to attract the urban non-Malays to the rural areas must be encouraged in order to attain success in the New Economic Policy and in the context of National Unity.

It is therefore important, in order to create a just society, that the Government must accelerate the creation of jobs through land development and youth schemes in order to train non-Malay Youths in self-employment and to provide increasing job opportunities in the modern agricultural sector. More land must be given to non-Malays, especially those urban have-nots in the New Villages, in order for them to participate in cultivating the natural land resources through agricultural activities.

As provided in the Outline Perspective Plan for 1970-1990, I am indeed happy to observe that the Government is committed to provide 10,000 jobs annually to the non-Malays in the agriculture, forestry and fisheries sectors. In addition, I would like to

make the following suggestions in order to increase the non-Malays' participation in these sectors:

- (1) The Government must give necessary incentives to the non-Malay have-nots in order to encourage them to cultivate local fruits which can be a source of raw materials in the canning industry.
- (2) To provide them with loans to establish light industries such as handicrafts and utensil industry in order to accelerate the creation of industrial pockets within the country.
- (3) Priority must be given to the training of non-Malay youths in agricultural skills.
- (4) Cottage industries especially in either assembling or making of component parts in which extensive labour usage is necessary must be encouraged.
- (5) As shown in Table 7-1, it is noted that annual growth rate of fish production is only 1.9% for the years 1971-73. This means that in order to achieve the target of 11% as proposed in the SMP, it can be seen that we will be short of the target. However, I suggest that we must look into the possibility of fish rearing in disused mining ponds.
- (6) On a similar basis, as mentioned just now, more land must be utilised to increase livestock production from 3% to 7.5%.

In conclusion, it is gratifying to note that the Ministry of Land Development has been established early this year, which is charged with the responsibility of overseeing all matters pertaining to Land Administration and Land Development and in that capacity has provided a Secretariat for Land Council and Co-ordinating Committee for Land Development. To ensure that the above are being seriously considered by the Secretariat it is recommended that this Secretariat be well represented by the various races so that the overall objectives of the NEP can be achieved to the benefits of all communities in the Malaysian nation.

5.43 *ptg.*

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Laporan Pertengahan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua yang dibentang-

kan di dalam Dewan ini, saya bersama-sama dengan seluruh Ahli-ahli samada pihak Kerajaan dan juga Pembangkang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak, kerana kejayaan yang gemilang. Sudah tentu laporan ini amat musiahak dan berguna dikaji oleh rakyat dan akan dapat pula memahami sejauh mana faedah yang telah didapati oleh rakyat dalam menyokong Kerajaan Campuran Perikatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara kecuali kominis yang tidak mahu mengakui kebenaran dan kenyataan adalah bergembira, kerana dasar yang sedang berjalan hari ini untuk beberapa tahun ke hadapan itu akan benar-benar menjamin wujudnya satu masyarakat yang adil, makmur, maju dan bersatu-padu.

Propaganda Kominis

Di dalam kempen-kempen ataupun propaganda kominis yang sedang bergerak di sempadan Thai-Malaysia hari ini, ketokohan dan kejayaan Tun Abdul Razak adalah menjadi matlamat sasaran dan cacian mereka. Nama Tun Abdul Razak sangat-sangat dikutuk oleh mereka dan di dalam sibaran propaganda mereka kepada rakyat yang terpencil di ulu-ulu negeri berbagai-bagai masalah yang kecil-kecil seperti kenaikan harga barang, kekurangan beras dan lain-lain diperkatakan. Mereka sering menyoal tentang kesusahan rakyat dalam kawasan-kawasan berkurung. Bagaimanapun rakyat yang telah menikmati kemajuan yang seterusnya mengharapkan zaman gemilang di hadapan tidak pernah sakali-kali dipengaruhi dengan dendang-nyanyian kominis yang bersembunyi itu. Cacian-cacian dan sakit hati kominis yang menentang Kerajaan hari ini ialah satu dalil dan proof yang nyata bahawa Kerajaan hari ini berjaya, bermakna dasar yang dibuat selama pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua itu telah memberi kesan yang baik kepada kesetabilan negara.

Rancangan Ekonomi Baru

Titik-berat Rancangan Ekonomi Baru telah diberi kepada usaha-usaha melengkapi diri belia-belua di dalam negara ini menyambut dan menjalankan tugas masing-masing. Belia-belua yang terbahagi kepada dua jurusan iaitu belia-belua dalam bandar dan belia-belua di luar bandar harus diberi

perimbangan yang adil. Tidak dapat dinafikan bahawa belia-belia dalam bandar mempunyai peluang atau opportunity yang meluas kerana dengan ada berbagai-bagai kemudahan dan kelegaan untuk melengkap diri mereka dari segi pelajaran dan kerja. Pemuda-pemuda dalam bandar dapat belajar sebanyak-banyaknya dengan ada berbagai-bagai institusi-institusi dan tempat-tempat pelajaran siang dan malam. Berbanding dengan pemuda-pemuda di luar bandar yang harus menempuhi cita-cita itu dengan cara perseorangan, Kerajaan harus mengkaji semula espek ini iaitu bagi memenuhi hasrat ataupun menggalakkan kemajuan golongan ini dengan cara mengadakan bilik-bilik bacaan yang sempurna di kampung-kampung.

Dewan Orangramai

Penyusunan semula dewan-dewan orangramai di kampung-kampung perlu dibuat dengan tidak berlengah-lengah lagi. Saya syorkan di sini iaitu kedudukan pegawai-pegawai daerah atau jajahan perlu dikaji. Pegawai-pegawai ini serta dengan penolong-penolongnya yang muda itu harus dibahagikan kerja masing-masing. Umpamanya, seorang Penolong Pegawai Daerah patut dibebankan dengan urusan-urusan menyusun Jawatankuasa Kemajuan Kampung mengawasi gerakan belia di dalam daerah dan tanggungjawab mengenai rakyat. Banyak Penolong-penolong Pegawai Daerah yang ingin hendak mencurahkan tenaga mereka dengan penuh bersemangat telah dikongkong di meja pejabat sahaja dan Pegawai-pegawai Daerah itulah sahaja yang bertanggungjawab segala-galanya, melihat rancangan pembangunan, menemui penghulu-penghulu, berjumpa dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, menghadiri sidang mesyuarat dengan Menteri Besar dan banyak lagi perkara-perkara yang dibuat, yang menjadikan pegawai-pegawai muda di bawah itu bosan, jelak dan jemu. Tidak hairan banyak pula di antara mereka iaitu pegawai-pegawai muda ini yang mengalihkan pandangan atau mencari kerja-kerja yang lebih bertanggungjawab. Hal ini perlu dikajikan oleh Kerajaan sekarang.

Peluang Belia-belia

Tadi saya berkata berkenaan dengan peluang-peluang untuk belia-belia di kampung menambahkan pelajaran mereka dengan cara banyak membaca buku-buku

yang berpengetahuan. Kutub-khanah di kampung-kampung perlu diadakan. Latihan secara berkursus oleh pegawai-pegawai dalam berbagai-bagai bidang pertanian, perusahaan, perniagaan perlu diadakan dengan lebih rancak dan rapi. Setelah latihan-latihan itu diadakan, maka galakan perlu diberikan kepada mereka itu untuk menjalankan perusahaan sendiri dengan menghulurkan berbagai-bagai peluang dan kemudahan. Galakan ini bukan hanya merupakan kata-kata atau pesanan-pesanan sahaja, tetapi hendaklah dengan kenyataan. Pegawai MARA atau Pegawai Pertanian dan lain-lain pegawai daripada jabatan-jabatan yang berkenaan dengan rakyat boleh menyalurkan bantuan kepada rakyat, mereka ini hendaklah berani datang mengetuk pintu, berani mengotorkan kasut mereka, berani bermalam di kampung-kampung, berani menelan air telaga dan perigi rakyat, dan berani duduk sama dengan rakyat di atas tikar-tikar rumput. Rakyat tidak suka melihat pegawai-pegawai berani berbuat demikian hanya manakala Tun Perdana Menteri berani berjalan kaki bersama rakyat, itu hanya semangat mengada-ngada ataupun mengampu Perdana Menteri sahaja, tetapi tidak bersemangat penuh dengan marhinarhin di kampung. Banyak perubahan akan dapat dibuat untuk tujuan hendak mencapai hasrat Kerajaan dalam rancangan ini. Kemudahan-kemudahan untuk membuka kedai-kedai kampung harus dibuat. Tiap-tiap buah kampung yang mempunyai 500 orang patut diberi peluang mengadakan kedai kampung samada secara bersyarikat atau bersendirian dengan Kerajaan mendirikan kedai-kedai kecil itu, mengadakan modal yang bukan banyak. Memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung di dalam membeli belah, melatih seorang dua belia di kampung untuk berniaga dan menjaga kedai itu. Kalau Kerajaan berupaya mengadakan Dewan Orang Ramai tiap-tiap kampung di zaman yang lampau di seluruh negara, mengapa Kerajaan hari ini tidak dapat mengadakan sebuah kedai kecil dalam tiap-tiap buah kampung dengan satu bentuk yang sama daripada jumlah ribuan juta ringgit yang akan dibelanjakan dalam rancangan baharu ini. Apakah tidak boleh diagih sedikit wang untuk usaha-usaha yang demikian ini.

Kepada belia di dalam bandar pula, mengapa Kerajaan tidak hendak menggalakkan dengan bersungguh-sungguh supaya belia-belia kita memasuki perusahaan perusahaan perniagaan kecil seperti penjual berkereta sorong, kedai-kedai kecil, warung-warung makanan dan lain-lain. Walaupun banyak orang-orang Melayu sekarang ini menjadi pengarah-pengarah besar di dalam berbagai-bagai perusahaan dengan diberi pertolongan, kemudahan-kemudahan oleh Kerajaan tetapi banyak lagi peluang-peluang untuk belia-belia kita yang berkemahuan di dalam bidang perusahaan ini dapat diberi secara kemudahan-kemudahan yang kecil yang boleh disalurkan oleh Kerajaan pada hari ini dengan mudahnya. Mengapa Kerajaan tidak berbuat demikian? Kerajaan selalu berkata hendak menarik pelancung-pelancung masuk ke dalam negeri, bermakna menarik wang luar ke dalam negara kita. Usaha bidang pelancungan ini sangat menggalakan, tetapi dalam usaha-usaha ini adakah selaras pula dengan dasar Kerajaan hendak membukakan peluang kepada rakyat, khususnya belia-belia mendapatkan pekerjaan atau seumpamanya. Pelancung-pelancung yang datang ke dalam negeri ini singgah di negara ini ingin melihat keindahan, kesenian, kebudayaan negara ini, bukan semata-mata hendak melihat kesesakan di bandar Kuala Lumpur sahaja. Kalau hanya hendak melihat Masjid Negara, Taman Templer atau Zoo Negara, kawasan-kawasan perusahaan di Petaling Jaya, saya tidak percaya pemandangan semua ini akan meninggalkan kesan yang baik untuk menarik bakal-bakal pelancung daripada negara lain ke negara kita.

Barang-barang Pertukangan

Peluang-peluang yang baik dalam masa pelancaran Rancangan Malaysia Kedua ini dan satu pengkajian semula dibuat iaitu pusat-pusat kecil membuat barang-barang pertukangan, anyaman-anyaman, lukisan-lukisan yang berdasarkan seni budaya negara kita yang boleh dibuat oleh rakyat harus diadakan. Pelancung-pelancung daripada luar negeri suka membeli topi mengkuang buatan rakyat, tongkat buatan kayu kesenian bangsa kita, lukisan-lukisan yang merupakan kemegahan dan keindahan negara. Belia-belia kita harus diberi latihan yang segera dan pesat di dalam kecenderungan ini. Topi mengkuang yang berharga murah tetapi

segak dipakai boleh menjadi satu industri rakyat. Menteri-menteri patut memulakan memakai topi-topi ini supaya memberi contoh kepada rakyat memakainya. Batik yang bermutu tinggi harus digalakkan dikeluarkan di dalam negara hari ini. Semua ini adalah membuka jalan kepada industri-industri baharu yang boleh menguatkan ekonomi rakyat. Topi mengkuang yang berwarna-warni boleh menjadi pasaran dunia dalam pengeluarannya banyak. Saya tidak percaya pengimpot-impot luar negeri hanya sanggup membeli 100-200 biji topi mengkuang atau 100 helai baju batik sahaja, kerana secara demikian tidak mendatangkan untung. Mereka mahu pasaran yang banyak dan kalau belia-belia kita diberi peluang mengadakan perusahaan ini dan Badan Kerajaan membeli secara borong, maka ini akan memberi peluang kepada belia-belia kita bekerja dan menarik banyak lagi pelancung-pelancung luar negeri hendak melihat perusahaan kita dan menanam wang yang banyak dalam negara kita.

FELDA

Saya bersyukur di atas kejayaan FELDA. Peserta-peserta dalam FELDA hari ini menikmati kebaikan yang dijalankan oleh Kerajaan hari ini. Perubahan-perubahan cara hidup peserta-peserta itu daripada penghidupan cara yang lama kepada cara yang baharu amat memberi kesan, tetapi perubahan-perubahan yang dialami itu hanya terdapat di dalam kawasan-kawasan FELDA sahaja. Berapa peratus daripada orang Melayu yang menjadi anggota FELDA itu kalau ditaksirkan pada keseluruhannya? Mereka itu tentu tidak dapat membawa balik angin perubahan cara pertanian yang baharu, cara berumahtangga yang tertib, cara penghidupan yang berdisiplin kepada kampung-kampung asal mereka. Keadaan kampung-kampung asal mereka itu tetap sebagai lama juga. Oleh itu, pada hari ini, saya kemukakan syor supaya Kerajaan menitikberatkan di dalam usaha memodenkan kampung-kampung Melayu di dalam berbagai-bagai aspek. Satu Akta harus dibuat di Parlimen ini untuk mengajak semua rakyat di kampung-kampung menjalankan usaha-usaha dapat hidup dengan lebih berdisiplin dan teratur secara perkampungan yang baharu sebagaimana yang dibuat di dalam FELDA itu.

Pertamanya, kajian harus dibuat tentang keadaan bentuk rumah. Adakah mendatangkan kesihatan dan memberi kesesuaian kepada tubuh badan rakyat? Rumah-rumah yang berbentuk baharu dengan kelegaan di dalam dan di luar harus digalakkan dengan harga yang murah. Kerajaan harus mengadakan peruntukan untuk membuat rancangan perumahan murah yang boleh dijual kepada rakyat dalam kampung dengan harga tidak lebih daripada \$1,000 dibayar dengan beransur-ansur. Kalau hal ini dapat dijalankan, maka segala usaha-usaha FELDA akan mendatangkan kesan yang baik, kerana tujuan FELDA ialah mengadakan suatu perkampungan rakyat yang tersusun. Saya percaya dengan tersusunnya cara perumahan dalam kampung-kampung itu akan mendatangkan perubahan cara pemikiran rakyat dalam bidang-bidang perusahan, pertanian dan lain-lain. Yang menjadi tulang belakang kepada Kerajaan atau negara hari ini ialah rakyat di luar bandar bukan rakyat di dalam bandar—saya katakan sekali lagi yang menjadi tulang belakang kepada Kerajaan atau negara hari ini ialah rakyat di luar bandar dan kerana itu harus kerajaan memberi pandangan yang lebih berat kepada rakyat-rakyat di luar bandar. Hari ini Kerajaan menggunakan banyak wang negara ini kerana menjayakan badan-badan seperti UDA, PERNAS dan lain-lain lagi. Badan ini kepada rakyat di luar bandar mereka tidak mengerti dan tidak memberi satu kesan pun kepada mereka. Telinga mereka mendengar, mata mereka melihat gambar-gambar atas kemajuan yang dibuat oleh badan-badan ini. Mereka tidak dapat memikirkan lebih daripada apa yang dapat diberi oleh Kerajaan kepada mereka. PERNAS, UDA, Bank Bumiputra itu tidakpun memberi makna kepada mereka. Apa yang mereka kehendaki ialah kalau Lembaga Persatuan Peladang, Bank Rakyat dapat meluaskan lagi usaha-usaha untuk memberi pertolongan kepada mereka maka ini akan menggembirakan mereka. Kerana itu di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan pembahasan dan kajian Rancangan Malaysia Kedua ini Kerajaan patut memberi dorongan penambahan tenaga yang berlipat ganda terhadap Lembaga Persatuan Peladang, Bank Rakyat supaya dapat memainkan peranan yang banyak dalam usaha-usaha Kerajaan hari ini.

Perusahaan

Mengakhiri cakap saya hari ini, saya berharap daya Kerajaan mengadakan perusahaan-perusahaan atau kilang-kilang perusahaan itu hendaklah dibuat dengan secara yang adil, menyelurahi di seluruh negara kita supaya dapat dinikmati seluruh daerah, kampung dan seluruh rakyat di mana sahaja mereka berada dapat menguasai harta negara sebagaimana yang diamanatkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dalam ucapan beliau.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

6.00 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengucapkan tahniah di atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua. Kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun, saya ucapkan terima kasih, dan kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab dan adil, saya suka juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih bukan dari diri saya sahaja, tetapi dari penduduk-penduduk di kawasan Bagan yang saya wakili. Dan saya memohon izin menyambung ucapan saya di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) We certainly believe, Sir, that we can and must attain the goal as envisaged in the Second Malaysia Plan if we can carry on with the same dedication and in the same pace as we have done during the last three years in the spirit of the Rukunegara and with our minds set on building a just and equitable society within the ambit of a united and progressive nation. In order to be assured of genuine success, let us not try to be over enthusiastic and impatient in wanting to correct the imbalance existing in one segment of the society without regard in the least to the imbalance existing in other segments of our society.

To achieve success according to the mapped out plans, it is important and essential for all civil servants to exercise genuine justice and fair play in the discharge of their duties. To those public servants who dedicate themselves to their work in the spirit of the Rukunegara we pay them a

very high tribute for helping to build a united, fair and progressive society. But to those whose intention is to mar our progress in the achievement of our goal, and there are still a high percentage of such public servants in our country, it is our duty to warn them not to stray away from the true and righteous course of this well planned and well meaning programme. To justify my statement, Sir, I would like to ask if it is in keeping with the mapped out programmes for restructuring society to correct the imbalance in such a hasty manner in the nursing services by employing over 90% of bumiputra nurses for the year 1972-73, whereas the Government do not appear to show the same enthusiasm and haste in wanting to correct the imbalance in the Armed Forces, the Police Force, FELCRA and FELDA.

Again, Sir, there are in Malaysia today some thousands of non-Malays who were born in Malaysia yet unable to acquire citizenship. It may be true that many of these applicants either have no birth certificates or that their birth certificates bear names or surnames which do not tally with their I.C.s or they hold birth certificates with no names at all. When these people applied for citizenship certificates and passed their Malay tests, they were refused citizenships without assigning any reasons after two or three years delay. Most of these applicants are red I.C. holders and consequently they lost their jobs as their work permits were not renewed after two years. May I ask, what is going to happen to the fate of this vast number of people? In this connection, if I may quote from the opening speech of Yang Amat Berhormat Perdana Menteri on 26th November, 1973 in this Dewan, page 3, paragraph 6, "We are striving for a just society in which there is a place for everyone."

Sir, there are many more similar mis-givings which I can quote to paint a very woeful picture of the implementation of this laudable programme, but I do not intend to do so, except to appeal to all Malaysians, especially to the public servants, to endeavour to the best of their ability and sincerity to make the Second Malaysia Plan a success within the target date.

6.05 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil bahagian dalam perbahasan "Mid-Term Review under the Second Malaysia Plan", dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Malaysian economy is estimated to grow by 20% in 1973. By all accounts this is a remarkable performance; brought on by increased demands for commodities like rubber, tin, palm oil and timber by the industrialised countries of America, Europe, Japan and others. Worldwide inflation and international monetary uncertainties have spurred consumers to buy and store commodities as a hedge against paper currency, for the years 1971-73. For the years 1971-73, the economy grew at an average of 6.9% a year, in real terms. The upsurge in the economy has pleased the Government bench to such an extent that they are emboldened to gaze into the crystal ball and look beyond 1975, into the misty future of 1990. While there are grounds for optimism, there is however little room for euphoria. Most futurists in other parts of the world seldom venture to predict what the future would be in five years, much less in 10 or 15 years.

Mr Speaker, Sir, in practical terms, does the present buoyant economy mean much to the worker, the peasant, the clerk, the housewife and the unemployed? A GNP growth of 20% or *per capita* income of \$1,166 is just so many words, and no more to them. They are more interested in whether jobs are available for the job seekers, more value for their padi or vegetables, a higher take home pay and a reasonable purchasing power for their money. Sad to say, despite the present boom, the poor are getting poorer but the rich are getting richer. Paragraph 5 of Chapter 1 of the Interim Report states that "Overall, the top one tenth of all households accounted for nearly 40% of the total income earned in the economy, while the share of the lowest two-fifths of the households amounted to only about 12% of total income." In other words, nearly one half of total income is enjoyed by a mere 10% of the people—and these are the business tycoons and industrialists, and wealthy land owners.

It is true that the entrepreneur or the businessman takes the risk with his investment capital, but while he is to be accorded due profits, must it mean that there should be such a wide disparity of income between the worker and the businessman and the entrepreneur. The entrepreneur puts in his money no doubt but the worker in the factory puts in his sweat and toil and hard work, and therefore deserves a fairer share of company profits and a larger take-home pay. Similarly, the peasant or padi planter who works on land owned by absentee landlords deserve better returns for his hard work, instead of a measly \$60 to \$100 per month which is barely enough to pay for his food and family expenses. Statistics show that absentee landlordism is very much prevalent in Malaysia. Therefore to the peasant and the worker, the present boom has little significance to his livelihood. To the unemployed a booming economy has even less significance unless there are sufficient jobs to go around. And there are large numbers of unemployed in both urban and rural areas with the equally serious problem of under-employment where peasants or workers are engaged in occupation for about ten or maybe fifteen working days at the most in a month.

Table 2-3 in the Interim Report states that in 1970 there was only an unemployment figure of 269,000 or 7.5% of the labour force. Since then, with the claimed creation of 348,000 jobs in 1971-73, the unemployment has declined from 7.5% of the labour force in 1970 to 7.3% in 1973. The Report supports this claim by saying that "successive rounds of the labour force sample surveys have clearly indicated a downward trend in the unemployment position since 1970."

Mr Speaker, Sir, the unemployment figures for 1970 and 1975 are suspect, they clearly understate the true unemployment situation. For 1970 out of an estimated working population of 6,627,000 (i.e. people within the ages of 15-64) the labour force was estimated to be 3,597,000 based on the estimate of 52.1% in the working age group. It is questionable that Malaysia with a large youthful composition has only a 52% working force. The correct estimate is likely to be much higher.

Another factor which the planners have not taken into account is the fact that

housewives are not merely housewives anymore and that due to pressing circumstances of high cost of living and inflation, they have also entered the job market. Educated housewives with only a child or two in the family have much time on their hands and therefore they feel free to work and bring in the extra pay packet for the home.

It is therefore highly probable that the working population is much more than 52%, and therefore the labour force of 3,597,000 is suspect and the unemployment figure in 1970 should definitely be more than 269,000 and more likely to be in the region of 400,000.

Another factor which the planners should also have taken into consideration is the question of labour which has migrated to neighbouring countries like Indonesia, Singapore and even South Vietnam where reconstruction is in progress. An estimated 150,000 Malaysians are working in these countries. Has this factor been taken into consideration? Take an example. The Interim Report estimates that by 1975, about 596,000 jobs will be created and unemployment will be only 7% or 264,000. According to the Perspective Plan of 1990, it is claimed that in the present progress, there should be full employment with 4% unemployment at the most. If the 150,000 migrants who have gone overseas for work are taken into consideration, then for 1975, the unemployment figure should only be 114,000 i.e. 264,000 minus 150,000 which means 114,000 or less than 4% of the work force. In other words, in 1975, Mr Speaker, Sir, if the migrant workers are taken into consideration, we will have already reached full employment. But on the other hand, if this figure has not been taken into consideration, should there be a world slump because of the energy crisis and our workers return, then the unemployment would rise to 400,000 or more, in which case, Mr Speaker, Sir, the unemployment figure becomes more than 10% of the total work force.

Mr Speaker, Sir, to be fair, however, the Report does indicate that there are still unemployment problems such as:

- (1) That unemployment rates among youths between the ages of 15-19 still remain high.
- (2) Unemployment in urban areas, though declining, also remains high.

- (3) In the rural areas, while the unemployment rates are lower, under-employment continues to be a problem.
- (4) That while surveys indicate a marked improvement in the unemployment position among Malays, that of the Chinese shows a slight improvement but unemployment among Indians has worsened considerably.

These facts, Mr Speaker, Sir, point to the continuous pressure to create more jobs and that the Government should go deeper into the problems of increasing unemployment among Indians and take remedial measures as soon as possible. The Government should set up a special Ministry to look after the welfare of rubber estate workers who have been sacked or retrenched and see that unemployed Indians are given job opportunities.

On the question of inflation, Mr Speaker, Sir, with the present high prices for rubber, tin, oil palm and timber, the take-home pay of workers may have increased but the benefits of increased earnings are largely offset by the countervailing effects of spiralling inflation.

Teachers and other Government servants who received back pay and pay increases have also seen these increases being eaten away inexorably by the prevailing inflation.

Table 6-1 shows that the consumer price index has gone up on the average of 20 points since 1970. The harassed housewife, however, has to contend with a higher rise in the food index by 28 points. No wonder she has bemoaned the fact that her dollar is bringing home less and less for the table day by day. Rice and bread have gone up by 25 points since 1970, fish by 47 points, milk and eggs by 25 points, meat by 30 points and even sugar, since 1970, by 41 points. Clothing and shoes for her family have increased by 35 points. The impression given by the consumer price index is conservative, to say the least, and since September this year, the price spiral has advanced further upwards.

Medical care and health expenses have risen by 8 points and it is hoped that the medical field will continue to be influenced more by human and social obligations rather than by the sheer glitter of the profit motive.

Transport and communications are up by 7 points. This is commendable, and the Government should try to keep the rise down, despite the present oil crisis. Should there be a shortfall in the supply of oil from the Gulf oil-producing states, Mr Speaker, Sir, there will be a general shortage of oil and industries and communications will be hard hit and oil prices will tend to rise.

Apart from the adverse effect on the nation's economy in the form of a slow-down in progress and production, it is not difficult to envisage what a price hike in oil and petrol will do to the present already intolerable rate of inflation. Oil as a form of energy is used in practically every sphere of activity and a price hike is likely to push up the cost of consumer goods in this country. The inflationary trends, which are already there will receive another boost and prices will zoom upwards.

At all costs, Mr Speaker, Sir, the Government must endeavour to prevent a price hike in petrol or oil. The following steps must be taken:

- (1) Make fresh approaches to the oil-producing states in the Middle East and as a nation with a favoured status, to claim for full supply of our oil requirements.
- (2) As an oil-producing country, Malaysia should see to its own needs first. While there are export commitments to be made, the needs of the home country come first and are paramount. An all-out effort must be made to avoid a crippling of the industries and to prevent further inflation.
- (3) Should there be adequate supplies from the Middle East but at a higher cost, the increased cost should not be passed on to the consumer again but should be borne by the refineries and the Government. The Government, I understand, is levying a fantastic rate of \$1.30 tax for every gallon of petrol sold to the public. It is time to reduce this tax and absorb the increase in cost, rather than pass on the price increase to the consumer.
- (4) Already the price of diesel oil has increased in the petrol kiosks some three weeks or a month ago, and this has increased the burden on the hardworking taxi driver, with a

consequent slice in his take-home earnings. The price hike should not have been allowed to take place in the first place, Mr Speaker, Sir. Why is the Government keeping quiet about this? Is it so helpless? The Government must act and revoke this price increase by reducing the tax on oil.

On the Sales Tax, Mr Speaker, Sir, this is another tax which merits serious consideration for repeal. If the Government doubts this statement, then it has only to refer to the 1972 Report of Bank Negara where on page 91, it states:

“A factor which contributed in some measure to the increase in the general level of domestic prices was the increasing burden of indirect taxation. There was a strong correlation between the imposition of the 5% Sales Tax, effective from February, 1972, on all goods imported into or manufactured in Malaysia, with the exception of raw materials and essential foodstuffs, and the noticeable rise in the consumer price index in March, April and May”.

If the Government is sincere in wanting to control inflation, then it must take heed of the advice from the Opposition, and also from a responsible, respectable national financial institution like Bank Negara.

On the matter of the redistribution of wealth towards a more just and equal society, Mr Speaker, Sir, there is another sphere where the progress made by the Second Malaysia Plan has failed to make an impact and that is in the sphere of social development. It has often been said that the standard of living should not be judged merely by the rise of the G.N.P. but also by the social, cultural and moral welfare of the people. Besides food, the basic needs of a family are housing, medical facilities and leisure to keep them on an even keel with cultural and moral ballast.

Low-cost housing programmes are far below the requirements of the working population. For 1971-1973, the Government only completed 6,357 units of public housing and 8,400 of settler homes. With a working population of about 6.5 million, the number of 15,000 units, Mr Speaker, Sir, is grossly inadequate. In cities and towns, large proportions of the people live in small rooms

and pay high rents or stay in huts and lean-tos in squatter areas. This is a living testimony to the neglect of housing in the Second Malaysia Plan.

The Member for Bandar Melaka has called for a Ministry of Housing in the hope that this Ministry will outline the targets to provide decent low-cost housing to the poor and working class within a period of, say, five to ten years.

Medical facilities also will have to be enlarged. Despite the setting up of a Medical Faculty in Petaling Jaya, there is still a shortage of doctors and specialists. The shortage of nurses is even in a much worse plight. Walk into any hospital ward, and the patients will complain that there are not enough nurses to attend to their medical needs. There should be a constant campaign to instil courtesy and politeness on hospital and clinic staff, so as to achieve mental calm among patients, a factor which is so important for their speedy recovery.

The rising cost of living has also forced many married couples to relegate the responsibility of looking after their aged parents to the welfare homes for the aged. The Government should, therefore, build more such homes or alternatively introduce tax relief for taxpayers in order to encourage and foster filial piety by continuing to look after their aged parents.

My last point, Mr Speaker, Sir, is on the creation of a just and equal society. The Honourable Prime Minister, in introducing the Mid-Term Review has stated, and I quote, because these are significant words:

“That there is a place for every Malaysian in Malaysia; that there is an equal and growing opportunity for every Malaysian to enjoy and share equitably the material well-being afforded by the nation; and that in the process of development, no group in Malaysian society need experience any loss or feel any sense of deprivation.”

These are principles which are sound, and no one can quarrel with them. In fact, if these words were not uttered from the Alliance bench, one would have thought that the Honourable Prime Minister was voicing ideas which the D.A.P. has been preaching

all along. As a socialist party, the D.A.P. has always been calling for:

- (i) a more just and equal society for all Malaysians; and
- (ii) an integration of the races in all spheres of Malaysian life, political, economic, social and cultural.

Unfortunately, the noble objectives expressed by the Government bench have not been matched equally by their performance. As a result, instead of creating national unity and a united multi-racial nation, there has been a polarisation of the races, an observation borne out by statements from Government Ministers and UMNO, M.C.A. and M.I.C. leaders themselves. The Alliance have themselves to blame for this state of affairs.

In their efforts to restructure society, the methods and approach have been crude and clumsy. In the recruitment for new personnel into Government services, such as the Civil Service and Health Department, since 1969 the intake has been predominantly Malay. Understandably, a lot of misgivings have arisen since then, and have even prompted the present Minister of Health to express his disapproval of the method of selection of nurses which, of course, elicited a retort or reply from the Public Services Commission.

New recruitments to the Police and the Armed Forces are virtually closed to the non-Malays, and the present composition can hardly do justice to the claim for a just multi-racial nation. The excuse given for this is that the recruitment response from non-Malays was poor. Other countries in the world have shown that non-Malays are not adverse to join the Armed or Police Forces, so long as their pay is good and the prospects of promotion are fair and bright.

Page 5 of the Prime Minister's speech, paragraph 12, states:

"The imbalances which confront the Malays and other indigenous people—a product of our historical past—are in many cases so deep that only drastic surgery will be successful in removing them. It is necessary that the initial efforts be substantial if the process of change is to be meaningful and visible. It is vital to our nation building".

The Malays have been confined to the traditional rural sector for a number of centuries, and have only begun to participate in the modern social and economic sectors with the advent of independence. What has been going on for centuries cannot be changed overnight, least of all by "drastic surgery". If the initial efforts are too drastic, there is bound to be a deprivation of the rights of the non-Malays. The 80% to 90% domination of recruitment of Malays into the public sector services is an example of drastic "surgery."

True, the Malays must be integrated into the modern economy and they must exercise their rights like other non-Malays, but the process can be rendered less painful, fewer heartaches, if the following guidelines are followed, two of which have already been mentioned by the Prime Minister himself in the Mid-Term Review. These guidelines, Mr Speaker, Sir, are as follows:

- (1) Acceleration of the economy and expansion of opportunities in order that both the Malays and the non-Malays can have their just share.
- (2) Manpower training. The key to success for any individual regardless of race is education. Knowledge or the possession of a skill opens the door to any field of economic adventure. More schools, vocational institutes, technical colleges and universities will have to be built to cope with the demand for knowledge and training, in order that no deserving student of whatever race will be denied of a right to equip himself to meet the challenges of life.
- (3) The process of integration or reconstruction must be gradual. Even in developed countries, modernisation of the rural sector takes time, not in a matter of a few months or a few years but in a matter of decades. The speed of integration is dependent on how fast the economy develops and that it does not cause any sense of loss and deprivation among non-Malay Malaysians.
- (4) Tolerance must be instilled and be an imperative, rather than a virtue. The National Language must be learned, but the non-Malays must be allowed the right to study and keep their mother tongue. There must be respect for each

other's religious beliefs and no attempts to convert the individual or the whole villages by dangling a financial carrot or the promise of a better-paid job.

The road to national unity is a long way off, but with the proper guidelines and the will, it is a target not beyond reach. Thank you, Sir.

6.27 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bangun menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dalam Parlimen ini di mana kita cuma memerhati semula Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Di serata dunia, kita mendengar Watergate Affair, bandar-bandar tak ada berlampu; di England sex scandal, tetapi Malaysia kita ini sebuah negara yang baharu, muda, tetapi sebenarnya kita duduk dalam syurga. Kita bertuah kerana mendapat seorang penganjur yang bijaksana terdiri daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan Jemaah-jemaah Menterinya yang memandu kita sekalian. Pihak Pembangkang tidak sedar yang mereka itu duduk dalam syurga. Kalau mereka berhati-hati mereka dapati tak ada negeri dalam dunia ini yang setanding seperti Malaysia kita ini.

Saya juga sukacita memerhatikan telatah pihak Pembangkang. Kebanyakannya menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri, tetapi mendatangkan teguran-teguran yang tidak bertanggungjawab. Umpamanya mereka banyak menyentuh akan halehwal pengangguran. Kebanyakan mereka ini dikatakan bijak, tetapi berapa di antara mereka ini yang telah bersungguh-sungguh bekerja di jurusan ini mengatasi masalah

nasional ini. Mereka menegur mengatakan barang-barang mahal, tetapi mereka sendiri-pun menjual barang mahal.

Saya menarik perhatian mereka itu kepada garisan yang besar, yang patut dijalankan iaitu secara bertanggungjawab. Kita perhatikan, pihak Pembangkang terutama sekali parti PEKEMAS. Saya takut parti PEKEMAS ini langsung luput dari Dewan ini, kerana kita melihat apabila mereka itu pergi hendak bertanding di kawasan pilihanraya Johor Timur, mereka pura-pura katakan mula-mulanya hendak hantar orang yang kanan sekali bertanding dalam pilihanraya kecil itu. Apa yang kita dapati—katakan hendak menjadi penganjur, tetapi hendak siapkan borang pertandingan dalam pilihanraya pun tidak betul. Mereka dikatakan mempunyai loyer, tetapi saya tidak tahu apa jenis loyernya, samada loyer sirih lipat ataupun sebagainya. Hendak memerhatikan borang pilihanrayapun tidak tahu. Jadi, menjadi sebab. Oleh sebab mereka tahu mereka akan tewas dalam pilihanraya itu dan mereka mencari sebab buat salah dalam borang itu dan menyatakan kepada Kerajaan kami akan heret Kerajaan dalam mahkamah dan sebagainya dan sampai hari ini kita tak nampak. Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, kerana menyediakan borang pilihanraya pun tak tahu, macam mana hendak memandu rakyat jelata ke jurusan yang aman damai dalam negara kita ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.